



# MENGIMPORT KEBEBASAN

Menggunakan Akta Tarif A.S. untuk  
Memanteras Masalah Buruh Paksa  
Dalam Rantaian Bekalan

# KANDUNGAN

<b>Pengenalan</b>	3
<b>Apakah Seksyen 307 Akta Tarif A.S.?</b>	5
<b>Apakah itu Piawaian Keboleh terimaannya?</b>	7
<b>Apakah Bukti yang Diperlukan?</b>	11
<b>Merangka Petisyen</b>	17
<b>Pertimbangan Keselamatan dan Kerahsiaan</b>	20
<b>Cara Mengemukakan Petisyen</b>	21
<b>Apakah akan berlaku Seterusnya?</b>	23
<b>Apakah yang Bekesan?</b>	26
<b>Menggunakan Akta Tarif Di Dalam Kempen Strategik Anda</b>	31
<hr/>	
<b>Lampiran A:</b> Sumber Tambahan	33
<b>Lampiran B:</b> Templat Aduan/Petisyen Yang Disarankan	35
<b>Lampiran C:</b> Soal Selidik Pengambilan Yang Disasarkan Untuk Mengenal Pasti Buruh Paksa Di Bawah Seksyen 307	40
<b>Lampiran D:</b> Analisis WRO (Perintah Penahanan Pelepasan) Terkini	43

# PENGHARGAAN

*Panduan Amalan ini ditulis oleh **Anasuya Syam**, penasihat hak asasi manusia dan dasar perdagangan di Pusat Perundangan Pemerdagangan Manusia, dan **Meg Roggensack**, perunding, dengan bantuan **Sarah L. Bessell**, timbalan pengarah Pusat Perundangan Permerdagangan Manusia. Panduan Amalan ini telah disunting oleh **Martina E. Vandenberg**, presiden Pusat Perundangan Pemerdagangan Manusia.*

*Pusat Perundangan Pemerdagangan Manusia ingin mengucapkan terima kasih kepada Ian Urbina atas izin menggunakan gambar-gambar dari pada buku beliau, The Outlaw Ocean: Journey Across the Last Untamed Frontier.*

*Pusat Perundangan Pemerdagangan Manusia sangat berterima kasih kepada Humanity United atas komitmen yang menyeluruh dan menyokong perjuangan membanteras buruh paksa dalam rantaian bekalan. Peruntukan daripada Humanity United membolehkan penghasilan penerbitan ini. Pusat Perundangan Pemerdagangan Manusia juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Freedom Fund kerana menyokong kerja kami berhubung Akta Tarif A.S.*

**Nukilan:** Syam, Anasuya and Roggensack, Meg, "Mengimport Kebebasan: Menggunakan Akta Tarif A.S. Untuk Membanteras Masalah Buruh Paksa Dalam Rantaian Bekalan," Pusat Perundangan Pemerdagangan Manusia (2020).

**Reka Bentuk Grafik:** Mirna Morphis, madebymirna.com

Direalisasikan dengan  
peruntukan dari:



HUMANITY  
UNITED

@htlegalcenter

@htlegalcenter

htlegalcenter

[www.htlegalcenter.org](http://www.htlegalcenter.org)

info@htlegalcenter.org

Hak cipta terpelihara. Pusat Perundangan Pemerdagangan Manusia Dicetak di Amerika Syarikat.

© Pusat Perundangan Pemerdagangan Manusia, Nov 2020



# PENGENALAN

Rantaian bekalan global yang meluas terhasil berikutan keadaan dunia yang semakin saling berkait. Apakah kos manusia dengan peningkatan permintaan pengguna untuk produk segar sepanjang tahun, fesyen yang berubah pantas, dan peralatan yang terkini? Mereka yang dikerah sebagai buruh paksa dalam rantaian bekalan ini – apakah remedai atau penyelesaian yang wujud untuk memulihkan ketidakadilan? Apakah yang boleh dilakukan oleh para pedukung untuk mempertanggungjawabkan syarikat yang terlibat dalam pemerdagangan manusia dan buruh paksa dalam rantaian bekalan mereka?


**Sebagai salah satu ekonomi pengimport terbesar dunia, dianggarkan bahawa Amerika Syarikat mengimport barang bernilai sehingga \$144 bilion yang dihasilkan oleh buruh paksa.<sup>1</sup> Antara barang import yang berisiko adalah peralatan elektronik, pakaian, koko, makanan laut, kayu, dan kapas.<sup>2</sup>**

Panduan ini memudahkan pendukung untuk memanfaatkan mekanisme penguatkuasaan perdagangan A.S., khususnya larangan import terhadap barang yang dihasilkan menggunakan tenaga buruh paksa, untuk membersihkan rantaian bekalan korporat. Panduan ini adalah untuk semua orang – A.S. dan NGO antarabangsa, peguam, kesatuan pekerja dan mana-mana individu yang berhasrat untuk menggunakan undang-undang dan dasar perdagangan A.S. untuk membanteras buruh paksa di negara masing-masing.

Panduan ini memberikan gambaran menyeluruh intipati komponen untuk petisyen, termasuk piawaian kebolehterimaan, jenis bukti yang diperlukan, sumber maklumat, dan tinjauan. Ia juga merangkumi templat aduan yang disarankan serta soal selidik pengambilan. Panduan ini akan membawa pembaca kepada sumber yang boleh dipercayai yang boleh digunakan oleh organisasi dan individu untuk mengukuhkan petisyen yang diserahkan kepada U.S. Cus-

toms and Border Protection (Kastam dan Perlindungan Sempadan A.S.) atau CBP.

## Anggaran nilai import berisiko tinggi ke Amerika Syarikat (nilai dalam USD):



Sumber: Global Slavery Index (Indeks Perhambaan Global) 2018, Walk Free Foundation

Panduan ini hanyalah salah satu alat daripada strategi yang lebih luas dalam usaha memerangi gejala buruh paksa dan pemerdagangan manusia. Adalah diharapkan bahawa panduan ini akan memudahkan akses kepada petisyen di bawah mekanisme perdagangan A.S., seperti Seksyen 307 dari Akta Tarif 1930 untuk sesiapa sahaja yang cenderung kepada usaha membanteras aktiviti pemerdagangan manusia. Tujuan utamanya adalah untuk memangkin minat terhadap remedai dan penyelesaian kreatif dan bukan konvensional. Sekiranya digunakan dengan efisien, Seksyen 307 Akta Tarif ini berpotensi memerangi gejala buruh paksa.

1 Lihat Analisis G20, Indeks Perhambaan Global (2018), <https://www.globalslaveryindex.org/2018/methodology/g20-analysis/#table:3>.

2 Id.

Anggaran ILO 2017:  
**40 juta  
mangsa  
“perhambaan  
moden”**

**15  
juta  
mangsa  
kahwin  
paksa**

**25  
juta  
mangsa  
buruh  
paksa**

Mangsa perhambaan moden  
mengikut jantina:




71%  
wanita dan  
kanak-kanak  
perempuan



29%  
lelaki dan  
kanak-kanak  
lelaki

Mangsa perhambaan moden  
mengikut taburan geografi:



Sumber: International Labor Organization (Pertubuhan Buruh Antarabangsa) atau ILO, *Global Estimates of Modern Slavery: Forced Labor and Forced Marriage* (2017)

# APAKAH SEKSYEN 307 AKTA TARIF A.S.?

Akta Tarif A.S. tahun 1930 melarang pengimportan barang yang dibuat "sepenuhnya atau sebahagiannya" menggunakan buruh paksa, buruh terikat (kuli kontrak), atau buruh tahanan, dari mana-mana bahagian dunia ke Amerika Syarikat. Undang-undang ini terpakai tanpa mengira kaedah pengeluaran barang tersebut.

**Seksyen 307 Akta Tarif memberi kuasa kepada U.S. Customs and Border Protection (Kastam dan Perlindungan Sempadan A.S.) untuk menghalang kemasukan barang import yang dihasilkan menggunakan buruh paksa, tahanan, atau buruh terikat (kuli kontrak) daripada memasuki Amerika Syarikat.**

**Seksyen 307 (§ 307) Akta Tarif A.S. (19 U.S.C. §1307), menyatakan:**

*"Semua barang, jajaan, dan barang dagangan yang dilombong, dihasilkan, atau dikilangkan sepenuhnya atau sebahagiannya di mana-mana negara asing oleh buruh tahanan atau/dan buruh paksa atau/dan buruh terikat (kuli kontrak) di bawah hukuman sekatan tidak berhak untuk memasuki di mana-mana pelabuhan Amerika Syarikat, dan pengimportannya dilarang, dan Setiausaha Perbendaharaan diberi kuasa dan diarahkan untuk menetapkan peraturan yang mungkin diperlukan untuk menguatkuaskan peruntukan ini."*

Peruntukan ini dilaksanakan oleh U.S. Customs and Border Protection (Kastam dan Perlindungan Sempadan A.S.) atau CBP yang berkuasa mengeluarkan Withhold Release Order (Perintah Penahanan Pelepasan) atau WRO untuk mencegah sesuatu barang import daripada memasuki Amerika Syarikat jika disyaki buruh paksa telah digunakan dalam pengeluaran atau pemprosesan barang tersebut di luar negara. Barang yang dikenakan WRO akan ditahan di semua pelabuhan A.S.



Seorang pegawai Kastam dan Perlindungan Sempadan A.S. memerhatikan kenderaan penghantaran kontena tiba di pelabuhan A.S.

- Apakah seksyen 307 akta tarif A.S.?

WRO adalah suatu instrumen penguatkuasaan perdagangan yang efektif yang digunakan oleh CBP untuk mengatasi masalah buruh paksa dalam rantai bekalan. Barang yang dikenakan WRO "ditahan" daripada dilepaskan, dan dilarang memasuki Amerika Syarikat. Setelah penyiasatan berkenaan selesai – sama ada berdasarkan petisyen yang dikemukakan dari luar,<sup>3</sup> atau usaha yang dimulakan sendiri, atau kedua-duanya – CBP boleh mengeluarkan WRO berdasarkan keyakinan yang munasabah bahawa penghantaran yang memasuki Amerika Syarikat, atau berkemungkinan memasuki Amerika Syarikat, adalah dihasilkan dengan menggunakan buruh paksa, buruh tahanan, atau buruh terikat (kuli kontrak).<sup>4</sup>

→ Pekerja termasuk kanak-kanak dilihat mengusahakan ladang tembakau di Malawi.

↓ Pelombong emas membentuk rantai manusia semasa menggali lubang terbuka di lombong Chudja berhampiran perkampungan Kobu, di timur laut RDC, 23 Februari 2009.

Sumber: Finbarr O'Reilly/Reuters



→ Pekerja di ladang kapas di Turkmenistan.

Dalam kebanyakan kes, CBP tidak mensasar keseluruhan rangkaian barang mahupun negara. Secara amnya, CBP hanya mengeluarkan WRO terhadap komoditi khusus dari pengeluar, kilang, atau pengeksport tertentu sahaja. Hanya dalam beberapa keadaan, CBP telah mengeluarkan WRO terhadap keseluruhan rangkaian produk di sebuah negara, tanpa menamakan pengeluar tertentu. Sebagai contoh, WRO dikeluarkan terhadap semua tembakau dari Malawi, semua kapas dari Turkmenistan, dan semua emas artisanal dari Republik Demokratik Congo (RDC).



Sumber: David Levene/The Guardian



Sumber: Alternative Turkmenistan News

3 Templat Aduan terperinci terdapat pada [Lampiran B](#).

4 19 C.F.R. § 12.42(e).

# APAKAH PIAWAIAN KEBOLEHTERIMAANNYA?

Matlamat Akta Tarif ini adalah untuk mencegah barang-barang yang dibuat oleh buruh paksa daripada memasuki Amerika Syarikat. Bagaimanakah Akta Tarif mentakrifkan buruh atau kerja paksa? Dan apakah piawaian pembuktian yang digunakan oleh CBP untuk mengkaji atau menyemak petisyen?

## BURUH PAKSA

Takrif buruh paksa di bawah § 307 hampir serupa dengan takrif ILO Forced Labor Convention (Konvensyen Buruh Paksa) tahun 1930 (No. 29):

Oleh kerana definisi buruh paksa di bawah Akta Tarif bertindih secara signifikan dengan definisi ILO, adalah berguna untuk mengkaji bagaimana ILO mentafsirkan buruh paksa. Di bawah Artikel 2(1) ILO Konvensyen Buruh Paksa No. 29 tahun 1930, buruh paksa dibahagi kepada tiga elemen<sup>5</sup>:



**Kerja atau perkhidmatan** – Merujuk kepada semua jenis pekerjaan yang berlaku dalam sebarang aktiviti, industri atau sektor termasuk dalam ekonomi tidak formal.



**Ancaman hukuman** – Merujuk kepada pelbagai hukuman yang digunakan untuk memaksa seseorang untuk bekerja.



**Ketidakrelaan/Ketidaksediaan** - Istilah “ditawarkan secara sukarela” merujuk kepada persetujuan termaklum pekerja untuk menerima tawaran pekerjaan dan kebebasannya untuk berhenti pada bila-bila masa. Ketidakrelaan berlaku misalnya apabila majikan atau perekut membuat janji palsu sehingga pekerja menerima pekerjaan yang biasanya tidak akan diterima olehnya.

### Akta Tarif A.S., § 307

“Semua kerja atau perkhidmatan yang dituntut dari mana-mana orang di bawah ancaman akan dihukum sekiranya tidak menunjukkan prestasi, dan dimana pekerja tidak menawarkan dirinya secara sukarela.”

### ILO Konvensyen Buruh Paksa 1930 (No. 29)

“Semua pekerjaan atau perkhidmatan yang dituntut dari mana-mana orang di bawah ancaman hukuman dan yang mana orang itu tidak menawarkan dirinya secara sukarela.”

**Sebagai syarat mengemukakan situasi buruh paksa berdasarkan definisi di atas dan di bawah Seksyen 307 Akta Tarif, mesti ada maklumat yang membuktikan kedua-dua elemen iaitu, ancaman hukuman dan ketidakrelaan.**

5 *What is Forced Labor, Modern Slavery and Human Trafficking*, International Labor Organization, <https://www.ilo.org/global/topics/forced-labour/definition/lang--en/index.htm>.

Biarpun ada kesamaan di dalam takrif atau definisi, terdapat juga perbezaan yang ketara antara definisi ILO dan definisi Seksyen 307:

	Akta Tarif A.S., § 307	ILO
<b>BURUH TAHANAN</b>	Tiada pengecualian untuk barang import yang dihasilkan menggunakan buruh tahanan.	Buruh tahanan sukarela dan yang dibayar dengan adil dikecualikan daripada definisi buruh paksa. <sup>6</sup>
<b>BURUH KANAK-KANAK</b>	Hanya barang yang dihasilkan menggunakan buruh paksa kanak-kanak atau buruh terikat (kuli kontrak) adalah terlarang. Tidak seperti definisi ILO, CBP secara terang-terangan merujuk kepada buruh kanak-kanak yang dipaksa atau terikat. Tanpa petunjuk yang kuat, barang yang dibuat oleh buruh kanak-kanak sahaja mungkin tidak memenuhi definisi buruh paksa, walauapun industri yang terlibat.	Kanak-kanak tidak boleh bersetuju untuk bekerja dalam industri berbahaya <sup>7</sup> atau dalam apa-apa "bentuk pekerjaan terburuk bagi kanak-kanak" <sup>8</sup> . Pekerjaan sedemikian adalah dianggap sebagai kerja paksa.



Ibu dan anak bekerja di ladang tembakau di Malawi.

<sup>6</sup> Buruh Tahanan yang diawasi oleh pihak berkuasa awam dan tidak direkrut oleh atau dikontrak kepada syarikat swasta atau individu tidak tertakluk di bawah definisi kerja paksa. Konvensyen ILO No. 29 Perkara 2(2).

<sup>7</sup> "Syarat umur 18 tahun harus digunakan jika dan di mana pekerjaan atau tugas yang dimaksudkan dianggap berbahaya - didefinisikan sebagai pekerjaan yang, oleh sifatnya atau keadaan di mana ia dijalankan, mungkin membahayakan kesihatan, keselamatan atau moral kanak-kanak." Lihat FAQ mengenai Perniagaan dan Buruh Kanak-kanak dan Konvensyen ILO 182, [https://www.ilo.org/empent/areas/business-helpdesk/faqs/WCMS\\_DOC\\_ENT\\_HLP\\_CHL\\_FAQ\\_EN/lang--en/index.htm](https://www.ilo.org/empent/areas/business-helpdesk/faqs/WCMS_DOC_ENT_HLP_CHL_FAQ_EN/lang--en/index.htm).

<sup>8</sup> Lihat Bentuk-bentuk Pekerjaan Terburuk untuk Kanak-kanak dalam definisi Konvensyen ILO 182 Perkara 3.



Sumber: Julien Harnois on flickr

Mengemukakan bukti keterlibatan pekerja kanak-kanak dalam pembuatan barang, walaupun dalam industri berbahaya, tidak cukup dengan sendirinya untuk tujuan Seksyen 307. Bukti yang dikemukakan mesti memenuhi kedua-dua unsur ancaman hukuman dan ketidakrelaan (ketidaksediaan).

Di bawah standard ILO, kanak-kanak dianggap bekerja sebagai buruh paksa jika mereka bekerja untuk, atau dengan ibu bapa mereka yang mengalami ancaman hukuman dan bekerja tanpa kerelaan.<sup>9</sup> Dengan kata lain, apabila ibu bapa

yang dikenakan kerja paksa meminta bantuan anak-anak mereka, anak-anak tersebut dianggap sebagai ditahan dalam kerja paksa, berdasarkan keadaan yang sedia ada. Keadaan seperti ini biasanya timbul dalam kes sistem ikatan hutang keluarga dalam pertanian di mana ibu bapa berhutang dengan pemilik tanah.<sup>10</sup> CBP juga nampaknya menerima bukti yang diperolehi secara tidak sah dalam kes melibatkan kerja paksa. Dalam WRO menentang tembakau dari Malawi, misalnya, CBP nampaknya telah membuktikan bahawa berlakunya buruh paksa kanak-kanak.

## BURUH TERIKAT (KULI KONTRAK)

Seksyen 307 juga melarang buruh terikat atau kuli kontrak. Tenaga buruh terikat atau kuli kontrak di bawah Akta Tarif merujuk kepada perhambaan hutang<sup>11</sup> dan peonage<sup>12</sup>, (kerja untuk menjelaskan hutang), kedua-duanya ditakrifkan di bawah undang-undang A.S. Peonage adalah kerja tanpa gaji yang dilakukan dengan ketidakrelaan untuk menunaikan hutang nyata atau yang dibayangkan. Perhambaan hutang (debt bondage) timbul daripada janji perkhidmatan peribadi penghutang atau seseorang di bawah kawalan penghutang, di mana nilai perkhid-

matan yang munasabah tidak digunakan untuk melunaskan hutang, atau jangka masa dan sifat perkhidmatan tidak terhad atau ditentukan. Ini biasanya timbul dalam konteks pengambilan pekerja migran oleh broker yang mengenakan bayaran pengambilan yang terlalu tinggi. Keberhutangan bayaran yang dikenakan untuk pengambilan pekerja boleh dianggap sebagai tenaga kerja terikat (kuli kontrak). Segala tuduhan pelanggaran di bawah Seksyen 307 harus sejajar dengan definisi undang-undang ini.

9 Lihat International Labor Organization, Global Estimates of Child Labor – Results and Trends 2012-2016 37 (Sept. 19, 2017), [https://www.ilo.org/global/publications/books/WCMS\\_575499/lang--en/index.htm](https://www.ilo.org/global/publications/books/WCMS_575499/lang--en/index.htm).

10 *Id.*

11 Istilah “perhambaan hutang” merujuk kepada status atau keadaan yang timbul daripada janji perkhidmatan peribadi penghutang atau seseorang di bawah kawalan penghutang sebagai jaminan terhadap hutang, yang mana nilai perkhidmatan yang munasabah tidak digunakan untuk melunaskan hutang, atau jangka masa dan sifat perkhidmatan adalah tidak terhad atau tidak ditentukan. Lihat 22 U.S.C. § 7102(7).

12 “Peonage” didefinisikan sebagai “suatu situasi kehambaan yang dipaksakan di mana seseorang dipaksa untuk bekerja bertentangan dengan kehendaknya untuk melunaskan sejumlah hutang atau kewajipan, baik nyata ataupun dibayangkan.” Lihat 42 U.S.C. § 1994.



Cambodian migrants haul in the nets on a Thai-flagged fishing boat in the Gulf of Thailand.

Sumber: Ian Urbina, The Outlaw Ocean: Journeys Across the Last Untamed Frontier

## PIAWAIAN KAJIAN SEMULA

Di bawah 19 C.F.R. §12.42 (e), sekiranya Pesuruhjaya CBP mendapati pada bila-bila masa terdapat maklumat yang meyakinkan dan munasabah walaupun tidak muktamad yang menunjukkan bahawa barang dagangan yang melanggar laranjan Seksyen 307 terhadap buruh paksa sedang, atau berkemungkinan besar akan diimport ke Amerika Syarikat, maka beliau boleh mengeluarkan WRO. Pendekatan pembuktian yang rendah menjadikan remedii ini cukup mudah untuk diakses. Organisasi yang mengemukakan petisyen hanya perlu menunjukkan bahawa bukti mencukupi untuk orang yang munasabah untuk menyimpulkan bahawa ada buruh paksa dalam pengeluaran barang yang dimaksudkan. Pengadu tidak perlu mengemukakan fakta atau maklumat yang menyeluruh yang membuktikan penggunaan buruh paksa.

**Di bawah Akta Tarif, pendekatan pembuktian adalah rendah – mereka yang membuat aduan hanya perlu mengemukakan bukti yang ‘munasabah, tetapi tidak secara muktamad’ membuktikan pengaruh atau kelaziman buruh paksa. Standard ini adalah lebih rendah daripada ‘bukti yang boleh dipercayai’ atau ‘sebab barangkali’.**

# APAKAH BUKTI YANG DIPERLUKAN?

Apakah bukti yang penyokong perlu disertakan didalam petisyen untuk menunjukkan bahawa barangang 1) dilakukan oleh buruh paksa, dan 2) diimport ke Amerika Syarikat. Penyokong tidak perlu sertakan semua petunjuk yang disenaraikan disini, tetapi secara minimum sesuatu petisyen perlu sertakan bukti yang kukuh dengan mengambil kira elemen undang-undang: ancaman hukuman dan ketidakrelaan.



## Contoh Ancaman Hukuman

- Ancaman atau keganasan terhadap pekerja atau saudara-mara pekerja;
- Sekatan pergerakan pekerja;
- Perhambaan hutang atau manipulasi hutang;
- Pemotongan gaji atau faedah lain yang dijanjikan;
- Menyimpan dokumen berharga (seperti dokumen identiti atau permit kediaman);
- Penganiayaan terhadap pekerja melalui penafian hak atau keistimewaan ancaman pemecatan atau deportasi.

Lihat ILO Persidangan Antarabangsa Ahli Statistik Buruh, Mengukur Buruh Paksa (2018).



## Contoh Ketidakrelaan (Ketidaksediaan)

- Pengambilan pekerja secara tidak adil semasa kelahiran atau melalui urus niaga atau transaksi seperti perhambaan atau buruh terikat;
- Meminta pekerja melakukan pekerjaan yang berbeza daripada apa yang ditentukan semasa pengambilan bekerja tanpa persetujuannya;
- Menyalahgunakan kerja lebih masa atau kerja on-call yang sebelumnya tidak dipersetujui dengan majikan;
- Bekerja dalam keadaan berbahaya yang tidak dipersetujui oleh pekerja, sama ada dengan, atau tanpa peralatan pelindung;
- Bekerja dengan gaji yang rendah atau tanpa gaji;
- Bekerja dalam keadaan hidup yangerosot disebabkan oleh pekerjaan;
- Bekerja untuk majikan yang lain daripada yang dipersetujui;
- Bekerja dengan perubahan yang banyak dalam tanggungjawab pekerjaan daripada apa yang dipersetujui;
- Bekerja untuk jangka masa yang lebih lama daripada yang dipersetujui;
- Bekerja tanpa kebebasan atau dengan kebebasan yang terhad untuk menamatkan kontrak kerja.

↓ Pekerja Kemboja di atas kapal nelayan Thailand di lautan China Selatan.



↑ Pekerja mengurus-atur produk di gudang tuna.

# BUKTI BURUH PAKSA

↓  PETUNJUK  
 BUKTI



## Penganiayaan

Segala dokumentasi atau surat-menjurat yang menunjukkan majikan menjanjikan status imigresen atau visa tertentu; sebarang bukti yang menunjukkan bagaimana pekerja terdedah kepada penganiayaan (misalnya jika undang-undang Imigresen sesebuah negara mengikat permit kerja pekerja untuk dipegang oleh majikan tertentu)



## Penipuan

Surat-menjurat atau kontrak yang menunjukkan bahawa majikan menjanjikan pekerjaan atau gaji yang berbeza



## Intimidasi dan ancaman

Testimoni dan temu ramah dengan pekerja atau orang yang menyaksikan ancaman tersebut; pesanan teks atau sebarang rakaman ancaman



## Keadaan tempat kerja dan tempat tinggal yang kejam

Dokumentasi gambar/video; bukti fizikal; bukti perubatan; keterangan saksi; laporan pemeriksa



## Sekatan pergerakan

Testimoni dan temu ramah dengan pekerja atau saksi lain; temu ramah dengan orang yang telah melihat bagaimana kebebasan bergerak mangsa terbatas; bukti bahawa pekerja dikurung di asrama di luar waktu bekerja; bukti bahawa pekerja tinggal di premis yang mana pintu masuk/keluar dikawal oleh pengawal



## Pengasingan

Testimoni dan temu ramah dengan pekerja atau saksi lain



## Penyimpanan dokumen pengenalan diri

Testimoni dan temu ramah; gambar di mana dokumen disimpan; pernyataan dari saksi yang memerhatikan rampasan atau penahanan dokumen



## Kerja lebih masa yang berlebihan

Testimoni atau temu ramah; rakaman video (CCTV) orang bekerja; teks/e-mel/surat-menjurat antara pekerja; catatan jam masa bekerja

ILO telah mengembangkan 11 petunjuk buruh paksa. Dalam kenyataan media mengenai WRO yang dikeluarkan pada tahun 2019, CBP secara terang-terangan merujuk kepada petunjuk buruh paksa ILO dalam setiap WRO. Carta berikut merangkumi petunjuk ILO dan bukti-bukti yang sepadan.



## Penahanan gaji

Rekod kewangan; gaji dan rekod penggajian; resit atau penyata gaji; kredit/debit ke dalam akaun bank pekerja; rekod bank yang menunjukkan pembayaran dan pemotongan daripada akaun pekerja; rekod penghantaran dana kepada keluarga di negara asal



## Keganasan fizikal dan seksual

Rekod perubatan; laporan polis; keterangan saksi; gambar-gambar kecederaan



## Perhambaan hutang

Rekod kewangan; e-mel, teks dan surat-menjurat; kontrak; IOU (resit hutang); dokumen hutang yang ditandatangani


# BUKTI BAHAWA BARANG DIIMPORT KE AMERIKA SYARIKAT

Petisyen mesti menunjukkan bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa barang yang dihasilkan oleh buruh paksa (sedang) memasuki Amerika Syarikat.

**Walaupun maklumat terperinci barang dan penghantarannya sangat membantu, kegagalan untuk memberikan maklumat tersebut di dalam petisyen tidak akan menjaskannya.**

CBP mempunyai akses kepada pangkalan datanya sendiri untuk menyiasat tuduhan yang dikemukakan oleh pengadu. Sekurang-kurangnya, pengadu mesti memberikan maklumat yang mencukupi untuk membolehkan CBP mengenal pasti produk atau barang yang dimaksudkan dalam pangkalan data dalaman CBP.

Jenis maklumat berikut ini, walaupun tidak ditekankan, adalah sangat berguna. Maklumat ini boleh didapati melalui pangkalan data langganan seperti [Panjiva](#) dan [Importer Genius](#), serta entri kastam yang disediakan untuk umum.



## Penerangan Terperinci Mengenai Barang Atau Contohnya

<b>Barangan/produk, komoditi tertentu – berikan keterangan fizikal, ciri:</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>● Berikan nombor klasifikasi tarif, jika diketahui</li><li>● Berikan maklumat tambahan yang mendokumentasikan identiti produk, keunikan, nilai/penggunaan komersial</li><li>● Berikan sebarang maklumat mengenai pembungkusan, penandaan, penomboran, piawaian kawalan kualiti, perakuan berkaitan kesihatan atau ciri pengenalpastian lain</li></ul>
<b>Kaedah atau cara penge- luaran – perlombongan, pembuatan, dan lain-lain (pertanian):</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>● Berikan maklumat tambahan mengenai proses penghasilan dan hubungan dengan prestasi buruh, contohnya bermusim, skala kecil/tukang, penyewa/ pekerja kebun, intensif buruh/tanpa mekanisme, barisan pemasangan/kerja yang dihasilkan di rumah</li></ul>
<b>Rangkaian bekalan hulu (upstream) dan hilir (down-stream) yang berkaitan – adakah produk itu bersumber- kan dari, atau diproses lebih lanjut oleh pembekal lain?</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>● Berikan sebarang maklumat berkaitan kepada industri yang mempunyai sejarah buruh paksa, seperti sumber, penyumberan luar, pemprosesan selanjutnya</li><li>● Berikan sebarang maklumat untuk menentukan asal-usul dan kebolehje-kan rantaian bekalan</li></ul>
<b>Lokasi pengeluaran – ladang, kilang, lombong, lain-lain:</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>● Berikan sebarang maklumat untuk mengaitkan produk dengan lokasi tertentu</li><li>● Berikan maklumat yang menentukan waktu pengeluaran, seperti musim menuai hasil, keadaan pasaran yang baik, keperluan kitaran pengeluaran, dll.</li><li>● Berikan maklumat mengenai zon pemprosesan eksport dengan standard pengeluaran dan akses pasaran yang berbeza, jika ada</li></ul>
<b>Pengeluar – nama, perniagaan, pendaftaran, pemilik, pelabur, hubungan dengan entiti A.S.:</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>● Berikan sebarang maklumat untuk mengenal pasti entiti sah yang bertanggungjawab untuk pengeluaran produk, termasuk maklumat mengenai status/kedudukan perniagaan entiti tersebut dan apa-apa hubungan komersial utama yang berkaitan dengan penjualan dan eksport produk ke A.S.</li><li>● Berikan maklumat mengenai hubungan antara pengeluar dan kerajaan pengeluar. Adakah hubungan ini mempunyai implikasi terhadap kos dan kaedah pengeluaran?</li></ul>
<b>Dokumentasi komersial transaksi eksport – bagaimana produk itu sampai dari tapak pengeluaran ke A.S.?</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>● Maklumat pembelian: Berikan sebarang invoice, pesanan pembelian, kontrak, surat kredit, insurans, data pengirim / broker, dll.</li><li>● Maklumat eksport: Berikan sebarang maklumat mengenai penghantaran, termasuk bil muatan, pelabuhan muatan/embarkasi terakhir untuk pelabuhan A.S., rekod penghantaran atau maklumat lain yang menunjukkan tarikh dan waktu penghantaran</li><li>● Maklumat import: Berikan sebarang maklumat mengenai pelabuhan masuk A.S., broker Kastam, lain-lain fasilitator pengiriman, termasuk dokumentasi kemasukan Kastam jika ada (nilai penghantaran, berat, nama dan alamat pengirim/broker, nama dan alamat pembeli)</li></ul>
<b>Maklumat tambahan yang berguna:</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>● Bahagian negara tersebut dalam pengeluaran global, bahagian negara tersebut dari pasaran A.S., industri/pembeli produk tersebut di A.S., pengeluar produk tersebut di A.S.</li></ul>

• Apakah bukti yang diperlukan?

# KETERANGAN SEKUNDER DAN PENGESAHAN BUKTI

Proses petisyen Seksyen 307 direka untuk mencetuskan penyiasatan menyeluruh oleh CBP dan pasukan khas yang diperuntukkan untuk membanteras aktiviti berkaitan buruh paksa. Pengadu harus memberikan bukti yang dapat disahkan oleh CBP.


**Sebagai tambahan kepada bukti utama, bukti sekunder yang kukuh adalah penting untuk menyokong tuduhan dalam petisyen tersebut.**

## US sportswear traced to factory in China's internment camps


By DAKE KANG, MARTHA MENDOZA and YANAN WANG December 19, 2018



Adalah bermanfaat untuk memetik laporan yang diterbitkan oleh organisasi antarabangsa, agensi domestik A.S., jawatankuasa kongres, laporan media penyiasatan, dan organisasi bukan kerajaan untuk menyokong tuduhan khusus mengenai buruh paksa. Maklumat mengenai buruh paksa dalam sektor, negara, atau wilayah tertentu juga adalah berguna. Senarai sumber yang dicadangkan terdapat dalam [Lampiran A](#).



U.S. DEPARTMENT OF LABOR'S  
**2018 LIST OF  
GOODS PRODUCED  
BY CHILD LABOR  
OR FORCED LABOR**  
Required by the Trafficking Victims Protection Reauthorization Act of 2008



Apakah bukti yang diperlukan?

# MERANGKA PETISYEN

CBP harus diberikan maklumat yang akan mendorongnya untuk mempercayai bahawa barang yang masuk – atau berkemungkinan akan masuk ke Amerika Syarikat benar-benar dihasilkan dengan menggunakan buruh paksa. Prosedur aduan atau petisyen tuduhan buruh paksa yang terperinci dinyatakan di bawah 19 C.F.R. §12.42 yang merupakan peruntukan yang memungkinkan Seksyen 307 Akta Tarif. Walaupun CBP tidak menetapkan bentuk tertentu, namun adalah disarankan agar tuduhan pelanggaran Seksyen 307 harus dikurangkan menjadi petisyen formal yang ditujukan kepada Pesuruhjaya CBP.

**CBP tidak memerlukan format tertentu untuk petisyen, tetapi mempunyai beberapa syarat untuk kandungan:**

**Secara khusus, petisyen harus mengandungi, atau disertai dengan:**

- 1. Pernyataan lengkap mengenai alasan bahawa barang itu hasil daripada buruh paksa;**
- 2. Penerangan terperinci atau contoh barang dagangan; dan**
- 3. Semua fakta berkaitan yang dapat diperoleh mengenai pengeluaran barang dagangan dihasilkan di luar negara.**

**Templat Aduan/Petisyen terperinci terdapat di [Lampiran B](#). Sekurang-kurangnya, disarankan agar maklumat berikut disertakan dalam petisyen anda:**

## Tinjauan Keseluruhan:

Tinjauan keseluruhan harus merangkumi ringkasan petisyen yang meliputi maklumat seperti komoditi atau barang dagangan yang dipohon untuk dikecualikan oleh CBP, negara asal, perincian pengimport AS yang terlibat (jika ada), nama pengeluar barang di luar negara, tuduhan buruh paksa, dan keterangan bukti, termasuk sumber dan batasannya.

### Petisyen Seksyen 307 sebelumnya merangkumi:

[Kapas dari Uzbekistan \(2013\)](#)

[Kapas dari Turkmenistan \(2016\)](#)

[Minyak Sawit dari Malaysia \(2019\)](#)

[Koko dari Côte d'Ivoire \(2020\)](#)

## Perihalan Barang:

Bahagian petisyen ini harus menjelaskan perkara spesifik mengenai komoditi yang hendak dilarang kemasukannya. Contohnya ciri produk, industri yang terlibat, kaedah pengekstrakan atau pembuatan, sama ada ia bahan mentah atau produk siap, maklumat penghantaran, dan maklumat pengeluar.

### Petunjuk Amalan:

Gambar label pada kotak di kilang yang dikendalikan oleh pengeluar dapat mendedahkan maklumat yang diperlukan untuk menyokong petisyen tersebut. Contohnya, label alamat dapat memberikan maklumat mengenai barang, tujuannya, dan sumber asalnya.

### **Semua fakta berkaitan dengan pengeluaran barang di luar negara:**

Organisasi atau individu yang mengemukakan petisyen hanya perlu mengemukakan bukti 'munasabah' bahawa pekerja dikerah bekerja i) secara paksa atau tanpa rela dan ii) di bawah ancaman hukuman. Bukti kewujudan buruh paksa harus dihubungkan dengan tempat penge- luaran, ladang, atau lombong tertentu, jika boleh. Keterangan langsung pekerja yang terjejas, tung- gakan gaji, surat-menyurat e-mel, afidavit ber- sumpah saksi, laporan audit, rekod perubatan, dan laporan polis adalah contoh bukti yang ber- potensi. Namun, jika tidak ada bukti seperti itu, pengadu boleh menggunakan taktik pengum- pulan bukti kreatif. Pengadu yang memperoleh WRO 2019 terhadap pengeluar pakaian China menggunakan imej satelit dan laporan media

**Apabila mustahil untuk mengumpulkan keterangan mangsa secara langsung disebabkan oleh kerajaan yang sukar atau takut pada tindak balas, organisasi boleh menggunakan fotografi udara, drone, imej satelit, foto, atau video yang diperoleh dari media sosial yang mana menimbulkan syak mengenai lokasi pengeluaran tertentu.**

Pusat Perundangan Pemerdagangan Manu- sia boleh memberikan bantuan teknikal dari peringkat awal pengumpulan bukti sehingga ke tahap akhir penyusunan dan penyerahan petisyen yang lengkap. Untuk maklumat lebih lanjut sila hubungi [info@htlegalcenter.org](mailto:info@htlegalcenter.org) atau [www.htlegalcenter.org](http://www.htlegalcenter.org).

Adalah berguna untuk mengesahkan bukti utama yang dikumpulkan dengan sumber sekunder yang berwibawa seperti laporan agensi kerajaan A.S. Laporan tahunan Jabatan Tenaga Kerja berkenaan Barang yang dihasilkan dengan Buruh Paksa atau Pekerja Kanak-kanak dan Pen- emuan Bentuk-bentuk Pekerjaan Terburuk Bagi Kanak-kanak; Laporan Tahunan Jabatan Negara berhubung Pemerdagangan Orang; laporan Kongres, laporan PBB, ILO dan sumber NGO lain semuanya berguna untuk menguatkan tuduhan. Sumber-sumber ini menyokong prestasi petisyen. Sumber-sumber ini juga berfungsi mengadakan kes dasar untuk mengeluarkan WRO tertentu.

Ianya membantu sekiranya dapat memberikan konteks tentang sesbuah barang dengan mengambil kira pasaran buruh sesebuah negara. Maklumat yang berguna termasuklah bahagian pasaran domestik dan global barang tersebut, pendapatan dari eksport, atau laporan setempat mengenai insiden di kemudahan yang dikenda- likan oleh pengeluar/pengimport.



#### **Petunjuk Amalan:**

Fakta bahawa seorang pekerja dilarang meninggalkan kilang atau premis ladang tidak boleh, dianggap sebagai ciri buruh paksa di bawah § 307. Begitu juga jika seorang perekrut yang tidak memenuhi janjinya untuk mendapat- kan pekerjaan yang berpendapatan baik – ala- san ini sahaja tidak mencukupi untuk membuktikan buruh paksa. Namun, apabila sekatan pergerakan atau penipuan ini digabungkan dengan ancaman keganasan fizikal, ancaman psikologi, tidak membayar gaji atau kehilangan hak atau hak istimewa (seperti kenaikan pang- kat, pertukaran, atau akses kepada pekerjaan baru) – maka boleh dikatakan dengan yakin bahawa unsur buruh paksa wujud dalam situ- asri ini. **Untuk maklumat tambahan, lihat ILO Q&A on Business and Forced Labor.<sup>13</sup>**

13 ILO Q & As on Business and Forced Labor: [https://www.ilo.org/empent/areas/business-helpdesk/faqs/WCMS\\_DOC\\_ENT\\_HLP\\_FL\\_FAQ\\_EN/lang--en/index.htm](https://www.ilo.org/empent/areas/business-helpdesk/faqs/WCMS_DOC_ENT_HLP_FL_FAQ_EN/lang--en/index.htm). Also see ILO Indicators of Forced Labor (2012): [https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/-ed\\_norm/-declaration/documents/publication/wcms\\_203832.pdf](https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/-ed_norm/-declaration/documents/publication/wcms_203832.pdf).



Imej satelit kawasan Hotan (China) pada tahun 2018 menunjukkan sebuah kem (pusat) tahanan Uighur telah berkembang.

# PERTIMBANGAN KESELAMATAN DAN KERAHSIAAN

Mereka yang berada di barisan hadapan keber tanggungjawapan korporat menanggung risiko tindakbalas pelaku korporat dan kerajaan. Keselamatan penyelidik dan mangsa buruh paksa adalah pertimbangan penting ketika membuat dan mengemukakan petisyen.

Organisasi dan individu harus berhati-hati dalam mengumpulkan bukti. Perhatian yang sepenuh harus diberikan untuk melindungi identiti dan keselamatan pekerja, penyiasat, dan calon saksi yang terlibat dalam proses pengumpulan bukti. Organisasi pengadu mesti mematuhi protokol keselamatan ketika menangani maklumat rahsia (bukan umum) untuk memastikan privasi dan perlindungan pekerja serta saksi<sup>14</sup> yang terlibat.

Pertimbangan kerahsiaan tambahan boleh timbul setelah petisyen dikemukakan. Menurut laman web CBP, dalam kebanyakan kes, Undang-undang Privasi, Undang-Undang Rahsia Perdagangan, dan peraturan CBP mencegah agensi tersebut daripada mendedahkan maklumat yang dikongsi oleh seorang pengadu, serta penemuan penyelidikan yang dilakukan sebagai sebahagian daripada penyelidikan yang dicetuskan oleh petisyen<sup>15</sup> tersebut. Undang-undang berkanun dan peraturan ini melindungi petisyen daripada pendedahan dibawah Freedom of Information Act (Akta Kebebasan Maklumat) atau FOIA.

CBP tidak mendedahkan pemfailan petisyen. Proses membuat keputusan bagi agensi ini adalah suatu proses tertutup. Namun demikian, kadangkala ia berkongsi beberapa maklumat daripadakeputusannya agar boleh mengeluarkan WRO (perintah penahanan pelepasan).

Meskipun belum terjadi, ada kemungkinan CBP boleh disaman. Dalam kes saman sivil terhadap CBP yang dikemukakan oleh pembekal atau pengimport, mereka mungkin akan menuntut maklumat dari CBP mengenai bukti yang dikemukakan bersama aduan Seksyen 307 sebagai sebahagian daripada proses penemuan. Dalam situasi sebegini, mahkamah boleh mengarahkan CBP mungkin untuk menyerahkan maklumat seperti yang dituntut.

## Langkah keselamatan yang disarankan:

- Menyunting nama dan maklumat yang boleh mendedahkan sumber;
- Membuat petisyen tanpa nama, menggunakan bantuan NGO lain berpusat di A.S.;
- Menggunakan VPN untuk menyembunyikan alamat IP;
- Menggunakan perkhidmatan e-mel yang dikodkan, seperti Proton Mail;
- Menggunakan platform pesanan selamat, seperti Wire, Signal;
- Mengemukakan salinan fizikal ke CBP;
- Menggunakan telefon yang disulitkan dan perkhidmatan komunikasi lain<sup>16</sup>

Memfailkan petisyen tanpa nama adalah dibenarkan. Namun, ini boleh menghalang usaha CBP untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai perkara tersebut. Pilihan lain adalah melalui kerjasama dengan organisasi berjuang hak buruh yang mapan di Amerika Syarikat untuk mengemukakan petisyen kepada CBP menggunakan maklumat organisasi ini. Ini disarankan sekiranya organisasi tempatan tertekan dengan masalah keselamatan.

14 Contoh sumber yang bermanfaat: OHCHR's Manual on Human Rights Interviewing: Protection of Victims, Witnesses and Other Cooperating Persons <https://www.ohchr.org/Documents/Publications/Chapter14-56pp.pdf>, WHO Ethical and Safety Recommendations for Interviewing Trafficked Women [https://www.who.int/mip/2003/other\\_documents/en/Ethical\\_Safety-GWH.pdf](https://www.who.int/mip/2003/other_documents/en/Ethical_Safety-GWH.pdf).


15 Lihat e-Allegations FAQs <https://www.cbp.gov/trade/e-allegations/faqs>.

16 Lihat juga ILO Guidelines Concerning the Measurement of Forced Labor, 20th International Conference of Labor Statisticians (2018) untuk maklumat lebih lanjut mengenai sumber data dan strategi pengumpulan data, termasuk pertimbangan etika untuk penemuduga, [https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/-/-dgreports/-/-stat/documents/meetingdocument/wcms\\_648619.pdf](https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/-/-dgreports/-/-stat/documents/meetingdocument/wcms_648619.pdf).

# APAKAH CARA UNTUK MENGEMUKAKAN PETISYEN

Sesiapa sahaja boleh mengemukakan maklumat kepada CBP mengenai penggunaan buruh paksa pada setiap tahap pembuatan, pemprosesan atau perlombongan barang yang diimport ke Amerika Syarikat. Tidak ada batasan geografi untuk Seksyen 307. Mana-mana organisasi atau individu boleh mengemukakan petisyen kepada CBP.

**Terdapat dua cara untuk mengemukakan petisyen:**



## 1 Portal e-tuduhan memerlukan maklumat berikut:

- Jenis Pelanggaran (portal ini menangani semua tuduhan perdagangan, jadi perlu untuk menyatakan bahawa tuduhan pelanggaran yang dikemukakan diperuntukan di bawah Seksyen 307 Akta Tarif)
- Keterangan mengenai Pencabulan
- Produk 'Pelanggar' (barang yang dimaksudkan)
- Kategori Barang/Produk Negara Eksport (HTSUS)
- Nama Pelanggar

Halaman pengambilan maklumat e-tuduhan mengandungi pilihan lampiran di mana seseorang boleh memuat naik hingga lima fail dokumen (saiz maksimum 2MB setiap satu) untuk menyokong tuduhan. Sekiranya maklumat melebihi had ini, ia mesti dihantar dalam bentuk salinan. Pautan e-tuduhan adalah: <https://eallegations.cbp.gov/Home/allegation>.

The screenshot shows the e-Allegations Submission page. At the top, there's a notice about the official nature of the system and legal consequences for misuse. Below it, a message of thanks for visiting the portal. The 'e-ALLEGATIONS' section has a 'REPORT SUSPECTED CRIMINAL/ILLEGAL ACTIVITY' button. The 'REPORT TRADE VIOLATIONS' section has its own button, which is circled in red with a red arrow pointing to it from the left.

The screenshot shows the 'e-Allegations Submission' interface. At the top, there's a header with the U.S. Customs and Border Protection logo and the DHS.gov logo. Below the header, the title 'Allegation e-Allegations Submission' is displayed. A note says 'Fields marked with an Asterisk (\*) are required'. The form is divided into three main sections: Step 1 - Tell us about yourself, Step 2 - Tell us about the allegation, and Step 3 - Tell us about the alleged violator. Each section contains several input fields with validation requirements indicated by asterisks (\*).

**2** Dalam hal salinan cetak, pengiriman harus ditujukan kepada Pesuruhjaya CBP dan dikirimkan kepada:

Aduan dalam bentuk salinan cetak mesti disertakan alamat e-mel supaya CBP dapat mengirim nombor pengesahan. Pengadu harus merujuk kepada laman web berikut untuk panduan tambahan sebelum membuat aduan: <https://www.cbp.gov/trade/programs-administration/forced-labor> dan <https://www.cbp.gov/trade/trade-community/e-allegations/e-allegations-faqs>.

Attn: Forced Labor Division  
Trade Remedy Law Enforcement Directorate  
Customs and Border Protection  
U.S. Department of Homeland Security  
1331 Pennsylvania Ave, N.W.  
9th Floor, Mailstop #1142  
Washington, D.C. 20229  
United States

# APA BERLAKU SETERUSNYA?

Setelah petisyen diterima, CBP meneliti maklumat yang diserahkan untuk memeriksa sama ada piawaian yang ditentukan dalam peraturan CBP dipenuhi. Sekadar penerimaan petisyen sahaja tidak mencukupi untuk mencetuskan WRO. Sekiranya bukti buruh paksa yang mencukupi ditunjukkan, ia akan melancarkan siasatan yang lebih komprehensif oleh agensi tersebut, termasuk pencarian fakta tambahan untuk mengesahkan tuduhan tersebut. Ini biasanya mengambil masa enam bulan atau lebih. Penyiasatan mungkin merangkumi mendapatkan maklumat lebih lanjut daripada pihak yang membuat aduan (jika ada dinamakan) dan sumber yang dikenal pasti dan disahkan. Lihat [19 C.F.R. §12.42\(d\)](#).



**Sekiranya maklumat itu secara munasabah tetapi tidak muktamad menunjukkan bahawa barang yang dihasilkan oleh buruh paksa sedang atau berkemungkinan akan diimport ke Amerika Syarikat, CBP akan mengeluarkan WRO (perintah penahanan pelepasan) yang melarang kemasukan barang tersebut di semua pelabuhan masuk A.S.**

Walaupun pengadu boleh meminta status terkini petisyen mereka dari Forced Labor Division (Bahagian Tenaga Paksa) CBP, maklumat yang boleh diberikan oleh agensi mungkin terhad. Namun, jika tuduhan tersebut tidak mencukupi untuk WRO dikeluarkan, CBP akan memberitahu pihak tersebut dan mungkin menunjukkan kekurangan dalam petisyen<sup>17</sup> tersebut.

Peraturan A.S. [19 C.F.R § 12.42](#) (e) menyediakan maklumat terperinci. Penghantaran yang dikenakan WRO ditahan di sempadan A.S. Senarai WRO terkini boleh didapati di halaman buruh paksa<sup>18</sup> CBP.

Syarikat yang terjejas biasanya mempunyai dua pilihan – mereka boleh mengeksport semula penghantaran yang ditahan ke pelabuhan lain di luar Amerika Syarikat atau mereka boleh mempertikaikan WRO tersebut dalam tempoh masa tiga (3) bulan. Lihat [19 U.S.C. § 1307](#).

Untuk mendapatkan pelepasan ke atas barang yang ditahan masuk ke Amerika Syarikat, pengimpor mempunyai 90 hari untuk membuktikan asal-usulnya. Selain itu, pengimpor perlu menunjukkan usaha wajar yang meyakinkan bahawa barang tersebut tidak dihasilkan dengan buruh paksa, seperti mengemukakan laporan audit rantaian bekalan. Lihat [19 C.F.R. § 12.43](#).<sup>19</sup> CBP menjangkakan pengimpor tahu rantaian bekalan mereka, termasuk di mana dan bagaimana produk mereka dibuat, daripada bahan mentah hingga barang siap.

Sekiranya bukti yang dikemukakan oleh pengimpor dianggap memuaskan untuk menunjukkan bahawa buruh paksa tidak digunakan untuk menghasilkan barang yang ditahan, CBP mungkin akan melepaskannya dan membentarkannya masuk ke pasaran A.S. Sekiranya

17 Forced Labor Frequently Asked Questions (FAQs), <https://www.cbp.gov/trade/programs-administration/forced-labor/frequently-asked-questions>.

18 Withhold Release Orders and Findings, U.S Customs & Border Protection, <https://www.cbp.gov/trade/programs-administration/forced-labor/withhold-release-orders-and-findings>.


19 See CBP Factsheet on Forced Labor Enforcement, Withhold Release Orders, Findings, and Detention Procedures: <https://www.cbp.gov/sites/default/files/assets/documents/2016-Aug/Fact%20Sheet%20-%20Forced%20Labor%20Procedures.pdf>.

pengimport gagal mempertikaikan WRO atau gagal mengeksport semula barang tersebut, CBP boleh terus mengecualikan barang tersebut daripada memasuki pasaran A.S.

Kadang-kadang, WRO boleh ditarik balik atau diubah. Ini boleh berlaku sekiranya terdapat bukti menunjukkan bahawa barang tersebut tidak, atau tidak lagi dibuat oleh buruh paksa; atau tidak lagi, atau kemungkinan besar tidak akan lagi diimport ke Amerika Syarikat. Ini berlaku pada tahun 2020, ketika CBP membalikkan dua WRO – satu untuk sarung tangan getah buatan

Malaysia<sup>20</sup> dan satu lagi tuna dari kapal bernama Tunago No. 61.<sup>21</sup>

Sekiranya CBP menemui bukti kukuh bahawa barang tersebut dihasilkan dengan buruh paksa, CBP akan menerbitkan penemuan rasmi di Buletin Kastam<sup>22</sup> dan Daftar Persekutuan.<sup>23</sup> Setelah penemuan diterbitkan, CBP mempunyai kuasa untuk merampas barang yang tinggal dan memulakan prosiding perampasan. Adalah sangat jarang CBP mengeluarkan penemuan – hanya enam (6) sejak tahun 1930.



Sumber: U.S. Customs and Border Protection

<sup>20</sup> Lihat Siaran Akhbar CBP (Mar. 24, 2020), <https://www.cbp.gov/newsroom/national-media-release/cbp-revokes-withhold-release-order-disposable-rubber-gloves>.

<sup>21</sup> Lihat Siaran Akhbar CBP (Apr. 1. 2020), <https://www.cbp.gov/newsroom/national-media-release/cbp-revokes-withhold-release-order-imports-tuna-harvested-tunago-no>.

<sup>22</sup> Lihat CBP Customs Bulletin and Decisions, <https://www.cbp.gov/trade/rulings/bulletin-decisions>.

<sup>23</sup> Ambang bukti untuk ‘penemuan’ adalah ‘bukti konklusif atau sebab barangkali’, yang mana lebih tinggi daripada standard untuk WRO iaitu, ‘munasabah, tetapi tidak muktamad’. 19 C.F.R. § 12.42(f).

Sumber: Indranil Bhoumik, Burst



↑ Seorang pekerja dalam industri pakaian di India.



↑ Krew dari Vietnam ditangkap dan difoto oleh polis Indonesia di belakang Macan, sebuah kapal peronda Indonesia.

# APAKAH YANG EFEKTIF?

Sejak undang-undang diubah untuk menutup suatu kelemahan (loophole)<sup>24</sup> pada tahun 2015,<sup>25</sup> telah berlaku peningkatan dalam penerbitan WRO oleh CBP. Sebenarnya, dalam masa tiga bulan setelah Trade Facilitation and Trade Enforcement Act (TFTEA) atau Akta Fasilitasi Perdagangan dan Penguatkuasaan Perdagangan berkuatkuasa, tiga WRO dikeluarkan secara berturut-turut. Antara Mac 2016 dan Mei 2020, CBP mengeluarkan sejumlah 15 WRO terhadap pelbagai barang. Angka-angka ini sangat bertentangan dengan jumlah 33 WRO yang dikeluarkan dari tahun 1930 hingga 2015. Salah satu sebab utama penguatkuasaan yang tidak berkesan sebelum tahun 2015 adalah kesan daripada kelemahan (permintaan konsumtif) dalam undang-undang di mana kebanyakan petisyen dan bukti buruh paksa diperdebatkan.


Tidak lagi terganggu oleh pertimbangan permintaan konsumtif, CBP mengeluarkan tujuh WRO buruh paksa pada tahun 2019. Apakah yang dapat dipelajari daripada WRO yang berjaya ini? Bahagian ini memberikan analisis ring-

**Terdapat peningkatan yang besar dalam penerbitan WRO oleh CBP sejak tahun 2015.**

kas mengenai faktor-faktor yang membawa kepada petisyen WRO yang berjaya dan faktor-faktor yang mungkin menimbulkan halangan.

Jadual berikut mengenal pasti petunjuk buruh paksa yang terdapat dalam setiap kes. Untuk analisis mendalam mengenai WRO terkini, lihat kajian kes individu di [Lampiran D](#).

**Jumlah Perintah Penahanan Pelepasan (WRO) yang dikeluarkan setiap tahun sejak tahun 1990**



Sumber: Congressional Research Service atau CRS (Perkhidmatan Penyelidikan Kongres) dan Customs and Border Protection atau CBP (Kastam dan Perlindungan Sempadan) CBP telah mengeluarkan beberapa lagi WRO yang tidak dipaparkan dalam graf tahun 1953 dan 1958.

24 Pengecualian 'permintaan konsumtif' untuk Seksyen 307 membenarkan barang yang diimport, walaupun dibuat menggunakan buruh paksa, selagi pengeluaran barang domestik A.S. tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan tersebut. Pentadbiran Obama akhirnya menghapuskan pengecualian 'permintaan konsumtif' melalui pernyataan Akta Fasilitasi Perdagangan dan Penguatkuasaan Perdagangan 2015 (TFTEA), secara efektif melarang setiap barang yang dibuat menggunakan buruh paksa memasuki ruang perdagangan A.S.

25 Akta Fasilitasi Perdagangan dan Penguatkuasaan Perdagangan (TFTEA) 2015, Tajuk IX, Sek. 910. Penghapusan pengecualian permintaan konsumtif ke atas larangan mengimport barang yang dibuat dengan buruh tahanan, buruh paksa, atau buruh terikat; laporan, <https://www.congress.gov/bill/114th-congress/house-bill/644/text>.

## Tindakan Penguatkuasaan Terkini oleh CBP A.S.



Apakah yang efektif? •

Dalam setiap WRO, CBP bergantung kepada petunjuk ILO mengenai buruh paksa, menghubungkan bukti yang diterima oleh agensi tersebut dengan petunjuk-petunjuk buruh paksa yang berbeza. Dalam hampir semua keadaan di mana CBP mengeluarkan WRO, dengan pengecualian arang tulang dari sebuah syarikat Brazil, terdapat liputan media antarabangsa atau perhatian NGO sebelumnya yang ketara terhadap komoditi tersebut. Pendedahan dan penyiasatan telah mendedahkan penyalahgunaan yang berlaku.

Sebilangan besar tuduhan buruh paksa melibatkan keterangan langsung daripada pekerja atau saksi. Satu-satunya pengecualian adalah, WRO yang dikeluarkan terhadap pakaian yang dihasilkan oleh Hetian Taida Apparel Company (Syarikat Pakaian Hetian Taida) di China. Oleh kerana sekatan pemerintah di Xinjiang, penyokong tidak dapat mengumpulkan keterangan langsung daripada pekerja. Worker Rights Consortium (Konsortium Hak Pekerja) sebaliknya mengumpulkan dan menganalisis banyak imej<sup>26</sup> satelit.

Pada tahun 2018, CBP mengeluarkan WRO terhadap kapal penangkap tuna, Tunago No. 61. Kapal angkut jauh ini sangat terkenal dengan penyalahgunaan terhadap anak-anak kapal. International Transport Workers Federation (Persekutuan Pekerja Pengangkutan Antarabangsa), Environmental Justice Foundation, dan Greenpeace telah melaporkan keadaan hidup dan kerja yang buruk dan tidak sihat di atas kapal, termasuk keganasan fizikal, intimidasi, ancaman mati, pengabaian dan perhambaan hutang. CBP membatakan WRO pada tahun 2020.

Produk dan wilayah yang diperhatikan oleh WRO telah diteliti terlebih dahulu oleh agensi pemerintah A.S. (seperti Jabatan Tenaga Kerja atau Jabatan Negara) atau Jawatankuasa Kongres (misalnya, Suruhanjaya Eksekutif Kongres A.S. Mengenai China). CBP dilihat lebih suka menyokong bukti yang nyata berserta dengan laporan pemerintah A.S. atau PBB. Sumber-sumber ini dapat menyokong laporan NGO.



Anak-anak kapal dari Vietnam ditangkap oleh polis Indonesia.

26 Konsortium Hak Pekerja, Penilaian Kilang Hetian Taida Apparel Co. Ltd. China: Temuan dan Status Penemuan (24 Jun 2019), <https://www.workersrights.org/factory-investigation/heitan-taida-apparel-co-ltd/>.

Secara amnya, WRO tidak dikeluarkan terhadap keseluruhan rangkaian produk dari sesebuah negara. Namun, dalam keadaan tertentu, mungkin disebabkan oleh penglibatan negara dalam amalan buruh paksa, seperti di RDC dan Turkmenistan, CBP telah mengeluarkan WRO yang menyasarkan semua pengeluaran (output) dari seluruh negara atau wilayah yang terlibat.

WRO terhadap emas dan berlian artisanal dari RDC dan Zimbabwe, masing-masing melibatkan kehadiran pengawal bersenjata dan sindiket perlombongan haram. CBP merujuk bukti yang menunjukkan bahawa terdapat sekatan pergerakan di bawah ancaman keganasan dalam kedua-dua kes tersebut. CBP juga merujuk petunjuk lain mengenai buruh paksa, seperti perhambaan hutang. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa setelah pekerja memasuki lombong, mereka tidak dibenarkan meninggalkannya.



Bahagian pasaran global yang besar bagi barang seperti tembakau Malawi dan sarung tangan getah Malaysia memudahkannya untuk menjalin hubungan dengan Amerika Syarikat. Namun, jika kapasiti pengeluaran dan eksport pengeluar dan/atau negara yang dipertikaikan adalah kecil, pengenalpastian pengiriman tertentu yang memasuki Amerika Syarikat dapat menjadi penentu dalam keputusan yang diam-bil oleh CBP.



Tindakan Penguatkuasaan Terkini dan Petunjuk Buruh Paksa yang Sepadan				
Produk	Negara	Pengeluar	Petunjuk Tenaga Paksa yang dikenal pasti oleh CBP dalam setiap kes	
<b>Pakaian</b>	<b>China (Xinjiang)</b>	Hetian Taida Apparel Company Ltd.	Buruh paksa Waktu bekerja yang berlebihan Pengasingan Penganiayaan	Berbayar sedikit atau tidak berbayar Sekatan pergerakan Keganasan fizikal dan seksual
<b>Sarung Tangan</b> Getah Sekali Pakai	<b>Malaysia</b>	WRP Asia Pacific	Petunjuk tidak ditentukan oleh CBP, tetapi buruh paksa didokumentasikan oleh media, masyarakat awam dan siasatan kerajaan. Jabatan Tenaga Kerja Malaysia, misalnya, menemui bukti pekerja tidak dibayar gaji, kelewatan pembayaran kerja lebih masa, dan pemotongan yang tidak sah. <b>Nota:</b> <a href="#">CBP menterbalikkan WRO ini pada Mac 24, 2020.</a>	
<b>Emas yang dilombong di lombong kecil artisanal</b>	<b>Republik Demokratik Congo (RDC)</b>	Semua emas artisanal dari RDC	Kehadiran pengawal bersenjata di 67-77% kawasan perlombongan menunjukkan buruh	paksa melalui intimidasi dan sekatan pergerakan. Keganasan seksual Ikatan hutang
<b>Berlian artisanal</b>	<b>Zimbabwe</b>	Marange Diamond Fields	Polis, tentera dan anggota keselamatan lain yang bertugas menjaga lombong membentuk sindiket perlombongan haram. Mereka hanya membenarkan pelombongan artisanal masuk ke lombong berlian setelah dibayar wang sogokan dan sejumlah wang hasil daripada perlombongan. Setelah pelombongan menyertai sindiket ini, mereka dilarang meninggalkannya. Mereka diancam dengan keganasan fizikal dan seksual dan bentuk hukuman lain seperti penangkapan kerana menceroboh.	
<b>Bone Black (arang tulang/arang aktif)</b>	<b>Brazil</b>	Bonechar Carvao Ativado do Brazil Ltd. (Maringa, Brazil)	Keadaan hidup dan bekerja yang teraniaya Sekatan pergerakan	Pengasingan Ikatan hutang
<b>Tembakau</b>	<b>Malawi</b>	Hampir kesemua tembakau yang ditanam di negara ini	Siaran akhbar CBP hanya menyebutkan bahawa ia menjumpai bukti buruh paksa dan buruh kanak-kanak. Walau bagaimanapun, buruh paksa dan buruh kanak-kanak didokumentasikan dengan meluas oleh media antarabangsa dan agensi kerajaan A.S. yang lain (Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Negara A.S.).	
<b>Makanan Laut Tuna dan produk dari tuna</b>	N/A	<b>Sebuah kapal angkut jauh – Tunago No. 61</b> (milik Tunago Fishery Co., Ltd., yang berpusat di Vanuatu)	Petunjuk tidak dinyatakan oleh CBP tetapi buruh paksa di kapal telah didokumentasikan dengan meluas sejak tahun 2006. <b>Nota:</b> <a href="#">CBP menterbalikkan WRO ini pada 1 April 2020.</a>	
<b>Produk Rambut</b>	<b>China (Xinjiang)</b>	Hetian Haolin Hair Accessories Co. Ltd. (Haolin)	Belum ditentukan oleh CBP. Laporan media sebelumnya menunjukkan bahawa Haolin kemungkinan terlibat dalam buruh paksa. Haolin juga didaftarkan di sebuah kawasan perindustrian di Daerah Hotan Lop di Xinjiang, di mana sebelumnya, ratusan tahanan difoto mendengar akan ucapan de-radikalisis.	
<b>Makanan Laut</b>	N/A	<b>Sebuah kapal pelayaran – Yu Long No. 2 (dengan bendera Taiwan)</b>	Belum ditentukan.	

# MENGGUNAKAN AKTA TARIF DALAM KEMPEN STRATEGIK ANDA

Akta Tarif A.S. adalah instrumen terhad. Barangan hanya disekat dari pasaran A.S. dan ianya boleh dieksport semula ke negara lain. Supaya dapat memberikan kesan maksimum, para penyokong harus mengembangkan petisyen Seksyen 307 sebagai sebahagian daripada kempen yang lebih besar untuk membanteras buruh paksa dalam rantaian bekalan tertentu.

- **Buat kempen yang berfokus pada pekerja dengan sokongan pekerja yang ketara.**
- **Pertimbangkan kebaikan dan keburukan kempen awam.**
- **Pertimbangkan kesan WRO terhadap pekerja, keselamatan pekerjaan dan kemungkinan tindak balas.**
- **Menggesa penggubalan perundangan untuk mendorong kawalan import untuk menangani buruh paksa dalam rantaian bekalan.**
- **Gunakan Akta Tarif sebagai sebahagian daripada kempen yang lebih luas untuk mendesak pendedahan wajib rantaian bekalan hingga ke peringkat ladang/kemudahan individu.**

**Suara Pekerja:** Dalam mengembangkan petisyen, sejajar dengan suara pekerja. Sekiranya anda tidak bekerja secara langsung dengan pekerja yang terkesan, adakah anda bekerjasama

dengan NGO yang memperjuangkannya? Adakah petisyen anda menggambarkan pendekatan yang berpusat pada pekerja? Adalah penting bahawa anda mempunyai sokongan daripada pekerja sebelum menyerahkan petisyen.

**Kempen Awam vs Swasta:** Melancarkan kempen media awam akan bergantung kepada beberapa faktor terutamanya pertimbangan keselamatan. Untuk perbincangan yang lebih terperinci mengenai pertimbangan keselamatan, lihat "Pertimbangan Keselamatan dan Kerahsiaan" di atas. Sebagai tambahan, penyokong mesti mempertimbangkan kempen mereka yang sedia ada. Sebagai contoh, sebuah NGO yang bekerjasama dengan pelaku korporat dalam usaha pencegahan mungkin ingin mengemukakan petisyen tanpa media. Sebaliknya, kempen awam dapat digunakan sebagai pengaruh, memberi amaran kepada pelaku korporat bahawa CBP telah menerima tuduhan buruh paksa dalam rantaian bekalan mereka dan sedang memerhatikan mereka. Selain itu, walaupun keseluruhan petisyen Seksyen 307 tidak dapat dikongsi secara terbuka, namun menerbitkan ringkasan tuduhan dapat membantu meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu tersebut, di samping memberi tekanan kepada CBP untuk bertindak.

**Minimumkan Keciciran:** Kumpulan masyarakat civil mesti mempertimbangkan kesan WRO terhadap pekerja. Pengadu harus mempunyai rancangan pemulihan atau pelan kontingensi untuk mencegah bahaya kepada pekerja. Sebagai contoh, tiga bulan selepas WRO terhadap pengeluar sarung tangan Malaysia dikeluarkan, syarikat itu mengumumkan penggantungan segala operasi yang menyebabkan ramai pekerja terancam. Tidak lama kemudian, pengeluar sarung tangan itu menerima kemasukan ekuiti kecemasan dari syarikat induk untuk memudahkan pembayaran wang yang dihutang kepada pekerja.<sup>27</sup>

27 *Glovemaker WRP Get Emergency Funds to Pay Workers*, Malaysiakini, Jan. 16, 2020, <https://www.malaysiakini.com/news/505695>.

**Kempen Perundangan:** Walaupun Akta Tarif hanya mempengaruhi pasaran A.S., pertimbangan harus dibuat untuk penyelarasan kempen yang serupa di negara lain. Beberapa negara mempunyai larangan import ad-hoc sementara yang lain telah meluluskan undang-undang yang serupa dengan Akta Tarif. Berikut WRO CBP terhadap pengeluar sarung tangan Malaysia, kumpulan masyarakat civil Australia meminta kerajaan mereka melakukan perkara yang sama. Pelobi berusaha menyekat penghantaran sarung tangan yang diimport oleh sebuah syarikat Australia setelah didapati syarikat itu mempunyai hubungan dengan pengeluar<sup>28</sup> sarung tangan Malaysia. Di United Kingdom, sebuah NGO menuntut kerajaan untuk menghentikan import kapas yang dituai oleh buruh paksa yang ditaja oleh kerajaan di Uzbekistan.<sup>29</sup>

**Memantau Tindak Balas Nasional:** Dalam beberapa kes, WRO memberi kesan kepada industri yang penting bagi ekonomi negara, seperti, WRO terhadap hampir kesemua tembakau dari Malawi. Selepas dikenakan WRO, kerajaan Malawi mengumumkan akan memulakan penanaman pokok Cannabis (ganja) untuk mengimbangi kemerosotan ekonomi akibat WRO terhadap industri tembakau. Kerajaan merancang untuk menggantikan tembakau sebagai tanaman kontan<sup>30</sup> Despite government promises to disband the tenancy farming system that led to exploitative labor practices in the first instance, it remains to be seen if forced labor practices will simply be transplanted to a new crop. Advocates should keep a close watch on developments and continue to push for accountability.

28 Nassim Khadem, *Australia Urged to Follow US, Ban Shipments of Rubber Gloves over Forced Labour Concerns*, ABC, Oct. 13, 2019, [https://www.abc.net.au/news/2019-10-14/australia-urged-to-ban-import-of-gloves-from-ansell-supplier-wrp/11594690?utm\\_source=sm&utm\\_medium=pfm&utm\\_campaign=sm](https://www.abc.net.au/news/2019-10-14/australia-urged-to-ban-import-of-gloves-from-ansell-supplier-wrp/11594690?utm_source=sm&utm_medium=pfm&utm_campaign=sm).

29 Annie Kelly, *Lawyers challenge UK imports of ‘slavery-tainted’ Uzbek cotton*, Guardian, Oct. 21, 2019, [www.theguardian.com/global-development/2019/oct/21/lawyers-challenge-uk-import-of-slavery-tainted-uzbek-cotton](https://www.theguardian.com/global-development/2019/oct/21/lawyers-challenge-uk-import-of-slavery-tainted-uzbek-cotton).

30 Alice McCool, *Malawi Legalizes Cannabis Amid Hopes of Fresh Economic Growth*, Guardian, Feb. 28, 2020, <https://www.theguardian.com/global-development/2020/feb/28/malawi-legalises-cannabis-amid-hopes-of-fresh-economic-growth>.

31 Petisyen yang dikemukakan kepada CBP oleh Corporate Accountability Lab dan International Rights Advocates pada bulan Februari 2020 mengemukakan penyelesaian alternatif, yang meminta agar CBP menghendaki syarikat menunjukkan bahawa mereka telah mengubah amalan mereka dalam 180 hari dari petisyen atau berhadapan dengan risiko sekatan import; lihat <https://static1.squarespace.com/static/5810dda3e3df28ce37b58357/t/5e4607e90bd7ed-452a1c8c6e/1581647858374/FINAL+307+PETITION+WITH+EXHIBITS.pdf>.

32 Ange Aboa, et al., *Eksklusif: U.S. Investigates Child Labor in Ivory Coast Supply Chains*, Reuters, Mar. 30, 2020, <https://www.reuters.com/article/us-cocoa-ivorycoast-childlabor-exclusive/exclusive-u-s-investigates-child-labor-in-ivory-coast-cocoa-supply-chains-idUSKBN21H0QW>.

### **Petunjuk Amalan:**

Corporate Accountability Lab (Makmal Akauntabiliti Korporat) atau CAL dan International Rights Advocates (Penyokong Hak Antarabangsa) atau IRA baru-baru ini mengemukakan petisyen<sup>31</sup> 307 pada Hari Valentine, 2020 untuk menyekat koko dari Côte d'Ivoire. Petisyen tersebut menuduh penggunaan buruh paksa kanak-kanak oleh syarikat-syarikat koko terkemuka. Walaupun petisyen diajukan di bawah Seksyen 307, CAL dan IRA meminta CBP mendedahkan rantaian bekalan koko hingga ke peringkat ladang oleh syarikat koko yang dinamakan. Berhadapan tekanan daripada masyarakat civil, CBP mengirim soal selidik yang terbahagi kepada 25 bahagian kepada syarikat-syarikat koko terkemuka dan meminta mereka memberikan koordinat GPS kesemua pembekal, langkah-langkah pemuliharaan jika dan ketika buruh paksa kanak-kanak dikenal pasti, senarai import ke Amerika Syarikat dari 2017-19, dan laporan audit.<sup>32</sup> Tindakan ini memberi harapan kepada remedai atau penyelesaian kreatif di bawah Seksyen 307.

# LAMPIRAN A: Sumber tambahan

## SUMBER KERAJAAN A.S.

### SUMBER JABATAN TENAGA KERJA A.S.

*List of Goods Produced by Child Labor or Forced Labor* (Senarai Barang yang Dihasilkan oleh Buruh Kanak-kanak atau Buruh Paksa)  
Pautan: <https://www.dol.gov/agencies/ilab/resources/reports/child-labor>

*List of Products Produced by Forced or Indentured Child Labor* (Senarai Produk yang Dihasilkan oleh Buruh Paksa atau Buruh Terikat Kanak-kanak)  
Pautan: <https://www.dol.gov/agencies/ilab/resources/reports/child-labor/list-of-products>

*Findings on the Worst Forms of Child Labor* (Penemuan Mengenai Bentuk-bentuk Pekerjaan Terburuk Bagi Kanak-kanak)  
Pautan: <https://www.dol.gov/agencies/ilab/resources/reports/child-labor/findings>

*Sweat and Toil: Child Labor, Forced Labor, and Human Trafficking Around the World (mobile application)* (Keringat dan Kerja Keras: Pekerja Kanak-kanak, Buruh Paksa, dan Pemerdagangan Manusia di Seluruh Dunia – Aplikasi Mudah Alih)  
Pautan: <https://www.dol.gov/general/apps/ilab>

### JABATAN NEGARA A.S.

*Annual Country Reports on Human Rights Practices* (Laporan Tahunan Negara Mengenai Amalan Hak Asasi Manusia)  
Pautan: <https://www.state.gov/reports-bureau-of-democracy-human-rights-and-labor/country-reports-on-human-rights-practices/>  
(Lihat bahagian khusus tentang "Melaporkan Hak Pekerja")

*Annual Trafficking in Persons Reports - TIP* (Laporan Tahunan Pemerdagangan Orang)  
Pautan: <https://www.state.gov/trafficking-in-persons-report/>

### JABATAN BENDAHARI A.S.

*Office of Foreign Assets Control Sanctions Programs and Country Information* (Pejabat Program Kawalan Sekatan Aset Asing dan Maklumat Negara)  
Pautan: <https://www.treasury.gov/resource-center/sanctions/programs/pages/programs.aspx>

### PERWAKILAN PERDAGANGAN A.S.

*Generalized System of Preferences (GSP) Ongoing Country Reviews* (Sistem Keutamaan Umum [GSP] Ulasan Terkini Negara-negara)  
Pautan: <https://ustr.gov/issue-areas/preference-programs/generalized-system-preferences-gsp/current-reviews/ongoing-country>

### JABATAN AKAUNTABILITI A.S.

*Information on Artisanal Mined Gold and Efforts to Encourage Responsible Sourcing in the Democratic Republic of the Congo* (Maklumat mengenai Perlombongan Emas Artisanal dan Usaha Menggalakkan Sumber Bertanggungjawab di Republik Demokratik Congo)  
Pautan: <https://www.gao.gov/assets/690/686745.pdf>  
(Untuk laporan lebih lanjut, lihat <https://www.gao.gov/reports-testimonies/>)

### PERKHIDMATAN PENYELIDIKAN KONGRESIONAL

Penerbitan Mengenai Tenaga Paksa  
Pautan: <https://crsreports.congress.gov/search/#/?termsToSearch=Forced%20Labor&orderBy=Relevance>

### SURUHANJAYA EKSEKUTIF KONGRESIONAL MENGENAI CHINA

Laporan Tahunan  
Pautan: <https://www.cecc.gov/publications/annual-reports>

# SUMBER ORGANISASI ANTARABANGSA

## PERTUBUHAN BURUH ANTARABANGSA (ILO)

*Konvensyen Buruh Paksa, 1930 (No. 29)*  
Pautan: [https://www.ilo.org/dyn/normlex/en/f?p=NORMLEXPUB:12100:0::NO::P12100\\_ILO\\_CODE:C029](https://www.ilo.org/dyn/normlex/en/f?p=NORMLEXPUB:12100:0::NO::P12100_ILO_CODE:C029)

*Protokol 2014 kepada Konvensyen Buruh Paksa, 1930*  
Pautan: [https://www.ilo.org/dyn/normlex/en/f?p=NORMLEXPUB:12100:0::NO::P12100\\_ILO\\_CODE:P029](https://www.ilo.org/dyn/normlex/en/f?p=NORMLEXPUB:12100:0::NO::P12100_ILO_CODE:P029)

*Garis Panduan Mengenai Pengukuran Buruh Paksa (2018)*  
Pautan: [https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/meeting-document/wcms\\_648619.pdf](https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/meeting-document/wcms_648619.pdf)

*Petunjuk Buruh Paksa (2012)*

Pautan: [https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed\\_norm/---declaration/documents/publication/wcms\\_203832.pdf](https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed_norm/---declaration/documents/publication/wcms_203832.pdf)

*Penerbitan Mengenai Buruh Paksa*

Pautan: <https://www.ilo.org/global/topics/forced-labour/publications/lang--en/index.htm>

## PERTUBUHAN NEGARA NEGARA BERSATU

*Sekatan Majlis Keselamatan*

Pautan: <https://scsanctions.un.org/fop/fop?xml=htdocs/resources/xml/en/consolidated.xml&xslt=htdocs/resources/xsl/en/consolidated.xsl>

# SUMBER TAMBAHAN

Di bawah ini adalah antara senarai organisasi yang berusaha membendung gejala buruh paksa dalam rantaian bekalan.

### Institut Dasar Strategik Australia

Pautan: <https://www.aspi.org.au>

### Cotton Campaign

Pautan: <http://www.cottoncampaign.org>

### Electronics Watch

Pautan: <https://electronicswatch.org>

### Greenpeace

Pautan: <https://www.greenpeace.org>

### Human Rights Watch

Pautan: <https://www.hrw.org>

### Forum Hak Buruh Antarabangsa

Pautan: <https://laborrights.org>

### Gabungan Kesatuan Sekerja Antarabangsa

Pautan: <https://www.ituc-csi.org>

### Solidarity Center

Pautan: <https://www.solidaritycenter.org>

### Verité

Pautan: <https://www.verite.org>

Alat Sumber Bertanggungjawab yang dikembangkan oleh Verité dan rakan-rakan kongsinya

Pautan: <https://www.responsible sourcing tool.org>

### Konsortium Hak Pekerja

Pautan: <https://www.workersrights.org>

Untuk maklumat lanjut, sila layari

[www.htlegalcenter.org](http://www.htlegalcenter.org) atau hubungi

[info@htlegalcenter.org](mailto:info@htlegalcenter.org).

# LAMPIRAN B: Templat aduan/petisyen yang disarankan

UP: Forced Labor Division  
Trade Remedy Law Enforcement Directorate  
Customs and Border Protection  
U.S. Department of Homeland Security  
1331 Pennsylvania Ave, N.W.  
9<sup>th</sup> floor, Mailstop #1142  
Washington, D.C. 20229  
United States

Tarikh:

**ADUAN FORMAL KEPADA KASTAM DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN A.S.  
UNTUK MENGEQUALIKAN IMPORT BARANGAN YANG DIHASILKAN OLEH BURUH  
PAKSA DI BAWAH SEKSYEN 307 AKTA TARIF A.S., 1930 (19 U.S.C. §1307)**

**DIKEMUKAKAN MENGIKUT KEPERLUAN 19 C.F.R § 12.42.**

**DIKEMUKAKAN OLEH [Nama Individu/Organisasi dan Maklumat  
Perhubungan<sup>33]</sup>]**

## I. TINJAUAN ADUAN:

*Petisyen ini dikemukakan mengikut Seksyen 307 Akta Tarif (19 U.S.C. §1307) untuk meminta agar Kastam dan Perlindungan Sempadan A.S. mengeluarkan Perintah Penahanan Pelepasan untuk menghentikan pengimportan [NAMA KOMODITI] ke Amerika Syarikat.*

Adalah berguna untuk menyertakan yang berikut semasa aduan awal:

1) Ringkasan eksekutif aduan:

- Komoditi yang dikatakan dicemari buruhpaksa;
- Negara asal komoditi;
- Pengimport A.S. yang didakwa mengimport komoditi tersebut.

2) Ringkasan bukti yang dikemukakan dalam aduan, termasuk sumber dan batasan:

- Bukti yang digunakan untuk menyokong tuduhan kerja paksa dan kaitannya dengan import A.S.
- Maklumat mengenai bagaimana bukti diperolehi. Kaedah boleh merangkumi temu ramah secara langsung dengan pekerja dan saksi, imej satelit, gambar dari lawatan ke lokasi, laporan media penyiasatan, laporan rasmi kerajaan, catatan kastam, pangkalan data komersial dan lain-lain, organisasi antarabangsa, laporan NGO, dokumen syarikat/kontrak pekerjaan, komunikasi e-mel, dan sebarang dokumentasi lain.

33 Menyediakan e-mel adalah berguna untuk komunikasi dengan CBP. Ini membolehkan CBP mengesahkan penerimaan melalui e-mel dan mengirim permintaan susulan jika perlu.

- Maklumat mengenai batas bukti atau keterangan. Sekiranya lawatan ke lokasi atau temu ramah dengan pekerja yang terjejas tidak dapat dilakukan, jelaskan mengapa. Sekiranya tidak dapat berhubung dengan import A.S. yang tertentu, jelaskan sebabnya. Ada kemungkinan pengumpulan bukti dihalang oleh kerajaan, ancaman tidak balas, buruh paksa yang ditaja oleh negara, akses ke kem tahanan yang terhad, dll.

## **II. NEGARA ASAL DAN LATAR BELAKANG PRODUK:**

**1) Pengadu harus memberikan maklumat mengenai produk, kaedah pengeluaran, lokasi di mana ia dihasilkan, dan sama ada ia dihasilkan secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan buruh paksa.**

Maklumat mengenai kelaziman buruh paksa di negara asal – dan dalam sektor ini – juga berguna. Maklumat ini terdapat dalam bab negara-negara, Laporan Tahunan Pemerdagangan Orang Jabatan Negara. Pengadu harus memberikan maklumat mengenai wilayah atau sektor tertentu dan sebarang penyelidikan mengenai komoditi tersebut.

**2) Pengadu hendaklah memberikan maklumat mengenai pekerja yang melombong/ mengilang komoditi.**

Berikan maklumat yang ada mengenai pekerja yang terlibat dalam pengeluaran barang tersebut. Adakah pekerja itu pekerja asing atau migran dalaman? Adakah terdapat wanita dan kanak-kanak? Tahanan? Minoriti yang ditahan di pusat tahanan? Sumber maklumat ini boleh merangkumi surat khabar, laporan NGO atau kerajaan, laporan PBB, laporan organisasi pelbagai hala, dan pernyataan awam.

**3) Pengadu juga harus memberikan maklumat mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan di negara asal dan/atau syarikat yang mengimport barang tersebut.**

Adakah negara/syarikat telah mengambil langkah-langkah untuk membendung buruh paksa? Adakah proses pengadilan yang masih belum selesai berkaitan dengan buruh paksa di sektor ini? Adakah terdapat kes jenayah? Sekiranya mampu, berikan CBP konteks tambahan mengenai sejarah buruh paksa di negara asal dan contoh-contoh khusus mengenai dasar kerajaan atau korporat.

## **III. KOMPONEN BUKTI PETISYEN:**

**1) Bahagian Pertama: Pernyataan alasan untuk mempercayai bahawa barang yang dibuat dengan buruh paksa sedang diimport atau berkemungkinan akan diimport ke Amerika Syarikat.**

Pernyataan tersebut harus menyatakan:

Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan oleh pengadu dan dinyatakan di bawah, ada kepercayaan yang munasabah bahawa [barang] yang dihasilkan oleh [pengilang/pengeluar] di [negara] dibuat menggunakan [tentukan jenis buruh paksa], sedang, atau berkemungkinan akan diimport ke Amerika Syarikat.

Pernyataan itu harus merangkumi maklumat mengenai pihak yang membuat aduan untuk membuktikan kredibilitinya mengenai perkara tersebut, serta kredibiliti bukti yang dikemukakan. Sebagai contoh, "Pihak yang membuat aduan ini adalah [jenis organisasi/misi] yang terletak di [kota/negara] dengan pengetahuan khusus tentang isi petisyen berdasarkan [penelitian sekunder, penelitian lapangan, temu ramah pekerja, laporan siasatan, hubungan atau kerjasama organisasi]."

## 2) Bahagian Kedua: Butiran produk (tidak diwajibkan)<sup>34</sup>

Bahagian ini harus memberikan sebanyak mungkin maklumat mengenai produk tersebut. Maklumat ini akan membolehkan CBP membuka siasatan menggunakan data dan rekod perdagangan dalamnya sendiri, termasuk data mengenai kemasukan ke pasaran A.S. Sekiranya boleh, pengadu mesti memberikan bukti bahawa produk tersebut memasuki pasaran A.S.: CBP mesti diyakinkan bahawa produk tersebut telah, sedang atau berkemungkinan akan diimport ke Amerika Syarikat.

Paling tidak, ini harus merangkumi:

Penerangan produk – foto, contoh, label, lain-lain keterangan fizikal<sup>35</sup>

Lokasi pengeluaran – kilang, ladang, lombong, ladang, kapal

Pengeluar – nama, lokasi perniagaan

Untuk menunjukkan kemungkinan bahawa barang itu akan diimport ke Amerika Syarikat, adalah berguna namun tidak wajib untuk memberikan nama pembeli atau pengguna A.S.; pelabuhan masuk, jika diketahui; atau sebarang maklumat mengenai pengguna barang serupa di A.S.

## 3) Bahagian Ketiga: Bukti untuk menunjukkan kewujudan buruh paksa

Seksyen 307 Akta Tarif (19 U.S.C. §1307) mendefinisikan kerja paksa sebagai “kerja yang **tidak dilakukan dengan sukarela** dan dibuat kerana ugutan atau **ancaman hukuman**.”

Bukti yang dikemukakan mesti memenuhi standard undang-undang buruh paksa. Buruh paksa di bawah Seksyen 307 Akta Tarif berasaskan pada definisi Konvensyen Buruh Paksa Antarabangsa (ILO) No. 29. Konvensyen Buruh Paksa ILO No. 29 mendefinisikan buruh paksa sebagai “semua pekerjaan atau perkhidmatan yang dituntut dari mana-mana orang di bawah ancaman hukuman dan yang mana orang itu tidak menawarkan dirinya secara sukarela.”<sup>36</sup> Definisi ini juga merangkumi “buruh terikat” dan “buruh tahanan. Buruh terikat di bawah Akta Tarif merujuk kepada debt bondage<sup>37</sup> atau perhambaan hutang dan peonage.<sup>38</sup> Peonage adalah kerja tanpa gaji yang dilakukan secara terpaksa untuk melangsangkan hutang nyata atau yang dibayangkan. Perhambaan hutang timbul daripada janji perkhidmatan peribadi penghutang atau seseorang di bawah kawalan penghutang, di mana nilai perkhidmatan yang munasabah tidak digunakan untuk melangsangkan hutang, atau tempoh masa dan sifat perkhidmatan tidak terhad atau ditentukan. Ini biasanya timbul dalam konteks pengambilan pekerja migran oleh broker dan hutang untuk pengambilan pekerja yang dikenakan.

Fakta dan bukti yang dikemukakan dalam aduan harus selari dengan definisi undang-undang ini. Seksyen 307 Akta Tarif tidak merangkumi buruh kanak-kanak yang tidak dipaksa, atau buruh yang diperoleh melalui penipuan sahaja. Tanpa bukti penggunaan kekerasan atau paksaan, fakta pencurian gaji tidak akan mencukupi. Bukti keadaan kerja yang buruk atau eksplotatif sahaja, walaupun penting, tidak akan mencukupi. Begitu juga bukti pemalsuan atau penipuan yang berdiri sendiri, ia tidak cukup untuk mencetuskan tindakan CBP.

34 Organisasi yang bekerja di lapangan mungkin tidak dapat memperoleh maklumat komersial mengenai produk tersebut, seperti bil muatan. Ini bukan penghalang untuk mengemukakan petisyen di bawah Seksyen 307 Akta Tarif. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan, CBP boleh mengenal pasti maklumat (tertentu) komersial dan kastam mengenai produk tersebut.

35 Id.

36 Lihat ILO Guidelines Concerning the Measurement of Forced Labor, Persidangan Antarabangsa Ahli Statistik Tenaga Buruh ke-20 (2018) untuk apa yang boleh menjadi contoh ‘ancaman hukuman’ dan ‘ketidakrelaan/ketidaksediaan.’ [https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/-/-dgreports/-/-stat/documents/meetingdocument/wcms\\_648619.pdf](https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/-/-dgreports/-/-stat/documents/meetingdocument/wcms_648619.pdf).

37 Istilah “debt bondage” atau perhambaan hutang bermaksud status atau keadaan penghutang yang timbul daripada janji oleh penghutang perkhidmatan peribadinya atau orang yang berada di bawah kawalannya sebagai jaminan hutang, jika nilai perkhidmatan tersebut dinilai secara wajar tidak digunakan untuk melangsangkan hutang atau tempoh masa dan sifat perkhidmatan tersebut tidak terhad dan dijelaskan. Lihat 22 U.S.C. § 7102(7).

38 “Peonage” didefinisikan sebagai “suatu bentuk kehambaan yang dipaksa di mana pekerja dipaksa untuk bekerja bertentangan dengan kehendaknya dalam melangsangkan sejumlah hutang atau kewajipan, baik nyata atau dibayangkan.” Lihat 42 U.S.C. § 1994.

Oleh kerana terdapat persamaan antara definisi ILO mengenai buruh paksa dan definisi di bawah 307 Akta Tarif, CBP secara rutin merujuk standard ILO dan petunjuk buruh paksa.<sup>39</sup> ILO telah mengembangkan sebelas (11) petunjuk atau indikator buruh paksa (yang digunakan oleh CBP untuk mengkategorikan amalan yang bersamaan dengan buruh paksa). Petunjuk ILO boleh digunakan untuk mendukung kes buruh paksa:

- penganiayaan akibat situasi terdedah,
- penipuan,
- sekatan pergerakan,
- pengasingan,
- keganasan fizikal atau seksual,
- intimidasi dan ancaman,
- penahanan dokumen pengenalan diri,
- penahanan gaji,
- perhambaan hutang,
- keadaan kerja dan kehidupan yang tidak baik, dan
- kerja lebih masa yang melampau.

Undang-undang yang berasingan memperuntukkan sekatan apabila pekerja tersebut adalah dari Korea Utara. Seksyen 321 (b) Countering America's Adversaries Through Sanctions Act (Menentang Undang-Undang Penentang Amerika Melalui Akta Sekatan) atau CAATSA, menganggap barang yang dibuat menggunakan buruh Korea Utara adalah produk dari buruh paksa dan dilarang masuk ke Amerika Syarikat. Tidak seperti Akta Tarif, pengadu hanya perlu membuktikan bahawa pekerja Korea Utara terlibat dalam rantai bekalan barang yang memasuki Amerika Syarikat. Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk Soalan Lazim DHS mengenai CAATSA dan Buruh Paksa Korea Utara.

Bahagian aduan ini harus menyatakan fakta yang menunjukkan produk tersebut dibuat oleh seseorang dalam keadaan yang dianggap buruh paksa. Naratif tersebut harus dilengkapi dengan bukti. Nota kaki harus dikaitkan dengan dokumentasi yang menyokong dandiketahui umum. Pengadu juga boleh mengemukakan afidavit dan keterangan video. Untuk dokumen bukti yang tidak diketahui umum, sebaiknya disediakan nota kaki ke lampiran dan sertakan semua bahan berkaitan secara sulit. Penting juga untuk diberi perhatian bahawa petisyen harus berdasarkan maklumat dan bukti yang tidak lebih dari 12-18 bulan.



### Petunjuk Amalan:

Fakta bahawa seseorang pekerja dilarang meninggalkan kilang atau premis ladang mungkin tidak boleh, dengan sendirinya, dianggap buruh paksa di bawah § 307. Begitu juga, hakikat bahawa seorang perekrut tidak menunaikan janjinya untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan berpatutan mungkin tidak mencukupi untuk membuktikan buruh paksa. Namun, apabila sekatan pergerakan atau penipuan digabungkan dengan ancaman keganasan fizikal, ancaman psikologi, tidak membayar upah atau kehilangan hak atau hak istimewa (seperti kenaikan pangkat, pertukaran, atau akses kepada pekerjaan baru), kita boleh menyimpulkan bahawa keadaan buruh paksa wujud dalam sesuatu kes tertentu.

Untuk maklumat tambahan, lihat ILO Q&A on Business and Forced Labor<sup>40</sup> (Soal Jawab ILO Mengenai Perniagaan dan Buruh Paksa).

39 Lihat Press Conference with CBP Office of Trade (1 Okt. 2019), <https://www.youtube.com/watch?v=Fb2D4Ebucn8&t=13s>.

40 ILO Q & A on Business and Forced Labor (Soal Jawab ILO Mengenai Perniagaan dan Buruh Paksa), [https://www.ilo.org/empent/areas/business-helpdesk/faqs/WCMS\\_DOC\\_ENT\\_HLP\\_FL\\_FAQ\\_EN/lang--en/index.htm](https://www.ilo.org/empent/areas/business-helpdesk/faqs/WCMS_DOC_ENT_HLP_FL_FAQ_EN/lang--en/index.htm). Lihat juga ILO Indicators of Forced Labor 2012 (Petunjuk Buruh Paksa ILO 2012), [https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/-/-ed\\_norm/-/-declaration/documents/publication/wcms\\_203832.pdf](https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/-/-ed_norm/-/-declaration/documents/publication/wcms_203832.pdf).

Petisyen yang unggul merangkumi pelbagai sumber unik yang boleh dipercayai, maklumat dan bukti yang dapat disahkan yang menyokong aduan, menggabungkan penyelidikan di lapangan dengan sumber-sumber yang diterbitkan oleh kerajaan.

### **Piawaian Pembuktian:**

Bukti yang diperlukan untuk membuktikan kewujudan buruh paksa adalah “munasabah tetapi tidak muktamad,” piawaian yang lebih rendah daripada “bukti yang boleh dipercayai” atau “sebab barang-kali.” Seksyen 307 Akta Tarif hanya memerlukan *bukti yang akan mewujudkan kepercayaan yang wajar* bagi CBP bahawa barang yang diimport atau kemungkinan akan diimport ke Amerika Syarikat dibuat menggunakan buruh paksa. Walaupun hanya terdapat beberapa petunjuk mengenai apa yang sebenarnya diperlukan oleh piawaian ini, secara umum difahami<sup>41</sup> bahawa secara praktikal, agensi ini memilih ambang pembuktian yang lebih kuat untuk memenuhi proses pelepasan dalamannya.

Penyataan awam CBP menunjukkan bahawa petisyen yang berjaya bergantung pada pelbagai sumber yang konsisten, termasuk:

- Laporan kerajaan A.S., seperti laporan Jabatan Tenaga Kerja A.S. dan Jabatan Negara;
- Bukti langsung yang kuat, seperti dokumentasi lawatan ke lokasi atau keterangan saksi (afidavit atau keterangan video);
- Bukti dokumentari, termasuk foto atau peta tempat kerja yang menggambarkan keadaan kerja dan/atau kehidupan, rekod upah atau gaji, senarai kakitangan atau maklumat lain mengenai demografi roster atau syif kerja.

### **IV. KESIMPULAN:**

Petisyen tersebut harus diakhiri dengan permintaan yang ditentukan oleh CBP, menurut 19 C.F.R. §12.42, bahawa [barang khusus] yang diimport dari [negara] sedang dihasilkan/telah dihasilkan sepenuhnya atau sebahagiannya dengan [buruh paksa, buruh tahanan, buruh terikat, buruh paksa kanak-kanak] dan dilarang diimport ke Amerika Syarikat.

Pengadu juga boleh meminta solusi atau remedи yang lebih kreatif, seperti permintaan agar syarikat secara terbuka mendedahkan rantaian bekalan mereka dalam jangka waktu tertentu sebelum WRO dikeluarkan.<sup>42</sup> Sama ada CBP akan bertindak atas permintaan tersebut masih belum dapat dilihat.

41 Penegasan ini berdasarkan perbincangan dengan NGO yang pernah mengemukakan petisyen di bawah Seksyen 307.

42 Petisyen yang dikemukakan kepada CBP oleh Corporate Accountability Lab dan International Rights Advocates pada bulan Februari 2020 mengemukakan penyelesaian alternatif, yang meminta agar CBP menghendaki syarikat menunjukkan bahawa mereka telah mengubah amalan mereka dalam 180 hari dari petisyen atau bersedia menghadapi larangan import, lihat <https://static1.squarespace.com/static/5810dda3e3df28ce37b58357/t/5e4607e90bd7ed-452a1c8c6e/1581647858374/FINAL+307+PETITION+WITH+EXHIBITS.pdf>. Berdasarkan permintaan seperti itu atau sebaliknya, CBP mengirim soal selidik yang terbahagi kepada 25 bahagian kepada syarikat-syarikat koko yang disebut dalam petisyen itu, antara lain bertanyakan koordinat GPS semua pembekal, pelan remedи atau pemulihan apabila pekerja kanak-kanak dikenal pasti, senarai semua pembekal import ke Amerika Syarikat dari tahun 2017-19 dan audit dengan skim pensijilan. Lihat, Ange Aboa, dll., Exclusive: U.S. Investigates Child Labor in Ivory Coast Supply Chains, Reuters, Mac 30, 2020, <https://www.reuters.com/article/us-cocoa-ivorycoast-childlabor-exclusive/exclusive-u-s-investigates-child-labor-in-ivory-coast-cocoa-supply-chains-idUSKBN21H0QW>.

# LAMPIRAN C: Soal selidik yang disasarkan nuntuk mengenal pasti buruh paksa di bawah seksyen 307

Sebilangan besar organisasi yang memperjuangkan hak pekerja mempunyai templat dalaman yang lengkap untuk menemu ramah mangsa buruh paksa dan juga mereka yang telah terselamat. Soal selidik di bawah ini tidak bertujuan menggantikan templat yang sedia ada tetapi sebaliknya untuk membantu memahami jenis pertanyaan yang ingin ditanyakan oleh penemuduga untuk mencapai tahap khusus yang diperlukan untuk tujuan Akta Tarif. Soal selidik ini tidak lengkap dan mungkin perlu disesuaikan berdasarkan keadaan unik di sekitar produk, kilang, industri dan wilayah yang disiasat. Seperti yang telah disebutkan sebelumnya, CBP mencari bukti yang memenuhi serampang berkembar ‘ketidaksediaan/ketidakrelaan’ dan ‘ancaman hukuman’ di bawah Seksyen 307 Akta Tarif.

## **1) Butiran peribadi pekerja**

- Nama, umur, kediaman sebelumnya (tetap atau tidak), kampung halaman, keluarga, kewarganegaraan, bahasa dan apa-apa perkara lain yang berkaitan untuk memahami latar belakang pekerja.

## **2) Butiran perjalanan pekerja ke lokasi bekerja (*ladang, kilang, lombong, kapal*)**

- Kaedah pengangkutan yang digunakan, siapa yang terlibat dalam mengatur pengangkutan (misalnya, agensi, wakil syarikat)
- Sebarang kos pengambilan (untuk perjalanan, permit kerja, visa)
- Keadaan semasa dalam perjalanan (kesesakan yang bagaimana, siapa yang diangkut dan sebagainya)

Soalan set kedua harus cuba mendedahkan janji yang dibuat oleh ejen pengambilan pekerja dan/atau majikan kepada pekerja.

- Upah yang dijanjikan
- Pekerjaan dan perumahan yang dijanjikan
- Sama ada terdapat apa-apa tulisan, dokumen yang ditandatangani, termasuk sama ada pekerja mempunyai salinan atau gambar

## **3) Butiran majikan dan tempat kerja**

- Nama majikan, lokasi
- Kemudahan atau fasiliti/ladang/lombong – keluasan, gambaran kemudahan di dalam atau berdekatan dengan tempat kerja
- Berapa lama bekerja?  
-Sama ada berterusan atau ada tempoh tanpa kerja?

- Berapa orang bekerja di tempat tersebut?
- Apakah jenis pekerjaan? (adakah berbeza daripada yang dijanjikan?) Misalnya, jika pekerja dijanjikan pekerjaan yang berkaitan dengan penuaan buah, tetapi akhirnya melakukan pemotongan, pembersihan, pembersihan rumput di ladang.
- Adakah majikan mempunyai hubungan dengan syarikat?
  - Sekiranya ada (dan jika pekerja mengetahui perkara ini), apakah jenis syarikatnya?
  - Apakah sifat hubungan? Misalnya, adakah petani menjual kesemua hasil tuaian kepada syarikat atau hanya sebahagian?

#### **4) Maklumat mengenai keadaan kerja**

- Berapa jam sehari anda bekerja?
- Berapa kerap anda dibayar?
- Adakah anda dibayar seperti yang dijanjikan?
- Adakah pembayaran anda bergantung pada hasil tuaian (kuota tertentu) atau sudah ditetapkan?
- Adakah anda mempunyai akses kepada gaji tersebut?
- Potongan:
  - Adakah pembayaran anda ditangguhkan? Berapa banyak? Untuk apa? Adakah ke arah pelangsaian hutang?
- Adakah anda mempunyai resit gaji?
- Adakah anda diberi atau dibenarkan rehat?
- Adakah anda dibenarkan bercakap dengan rakan sekerja anda?
- Adakah anda mempunyai akses kepada air minuman dan kemudahan tandas?
- Sekiranya pekerjaan anda berbahaya, adakah anda mempunyai akses kepada peralatan keselamatan yang mencukupi?
- Adakah anda terpaksa bekerja lebih masa?
  - Jika demikian, adakah menghadapi ancaman penalti jika anda menolak?
- Kekerasan fizikal atau sekatan?
  - Ancaman kepada anda? Ahli keluarga? Rakan sekerja?
  - Ada ancaman lain?
- Adakah anda mempunyai akses kepada pasport atau dokumen pengenalan diri?
- Adakah anda bebas untuk datang dan pergi dari tempat kerja seperti yang anda mahukan?
- Adakah anda tahu di mana lokasi tempat kerja?
- Adakah anda mempunyai akses kepada telefon bimbit anda jika ada, atau akses kepada telefon atau bentuk komunikasi yang lain (talian darat, komputer) sekiranya anda memerlukannya?
- Adakah pengangkutan ke dan dari tempat kerja berdekatan dan adakah ianya disediakan untuk anda?
- Siapa yang bertanggungjawab semasa anda dibawa ke tempat kerja? Siapa yang menemani pekerja?
- Adakah anda atau sesiapa sahaja yang anda kenal cuba mengadu masalah yang anda hadapi?
- Apakah reaksinya?
- Pernahkah anda melihat ada orang yang dipecat di hadapan anda kerana bersuara?
- Adakah majikan secara terbuka mengecam/menakut-nakutkan atau mengancam pekerja (misalnya di hadapan pekerja lain)?

#### **5) Maklumat mengenai keadaan hidup**

- Berapa jauh tempat penginapan anda dari tempat kerja?
- Bagaimana anda pulang ke rumah?
- Adakah terdapat kedai atau kedai runcit berdekatan?
- Adakah anda membayar sewa untuk perumahan?

- Apakah bezanya perumahan yang ada daripada yang dijanjikan?
- Jenis perumahan apa?
  - Asrama, bilik, kapasiti
- Adakah keluarga anda tinggal bersama anda?
- Adakah terdapat pengawal di luar?
- Kemudahan tandas – berapa orang berkongsi?
- Adakah terdapat sebarang masalah, kulat atau masalah bangunan (integriti struktur)?
- Adakah anda diberi kemudahan air?
- Siapakah pemilik kemudahan perumahan (jika diketahui)?
- Adakah terdapat perjanjian sewa atau sesuatu yang serupa dengan yang telah anda tandatangani? (Salinan?)
- Adakah anda atau orang yang anda kenal pernah diusir? Kenapa?
- Adakah anda dibekalkan dengan makanan?
- Apakah keadaan makanan yang disediakan?
- Sekiranya tidak disediakan makanan, bagaimana anda mendapatkan makanan?
- Akses kepada rawatan perubatan
  - Adakah terdapat hospital atau klinik berdekatan?
  - Adakah majikan anda membenarkan anda mengunjungi hospital atau klinik? Jika ada, berapa kali anda mengunjunginya?
  - Adakah anda pernah dinafikan daripada diberikan rawatan?
- Adakah anda mengenali seseorang yang jatuh sakit dan tidak mendapat rawatan?

#### **6) Butiran mengenai pinjaman dan bayaran pengambilan bekerja, jika ada**

- Adakah anda berhutang dengan majikan, atau, jika bukan wang, adakah anda berhutang kuota pengeluaran tertentu kepada majikan?
  - Apakah jumlah yang terhutang (sama ada wang atau kuota)?
  - Adakah anda pernah dapat melangsaikan hutang?
  - Apakah tujuan hutang tersebut (misalnya biji benih, peralatan dll, kos pengambilan bekerja)?
- Sekiranya anda tidak berhutang dengan majikan anda, adakah anda berhutang dengan orang lain – orang tengah, agensi pengambilan pekerja atau orang lain?
- Adakah majikan anda mengetahui tentang hutang ini? Adakah beliau pernah mengakuinya?
- Apakah syarat (atau keadaan lain yang berkaitan) hutang tersebut?
- Apakah komunikasi anda dengan majikan anda mengenai hutang tersebut?
- Apakah bukti hutang itu? Sekiranya ada dokumen, bolehkah kita mendapatkan salinan?
- Adakah anda menandatangani dokumen yang berkaitan dengan hutang ini (dapatkan salinan jika mungkin)?
- Apakah bahasa yang digunakan di dalam dokumen?
- Sekiranya tidak ada dokumen, apakah ia disampaikan secara lisan dalam bahasa yang difahami oleh pekerja?
- Berapa banyak yang anda perlu hasilkan/bekerja untuk melangsaikan hutang?
- Adakah terdapat rancangan pembayaran balik (dengan majikan) yang mesti anda patuhi? Sekiranya ada, apakah syaratnya?
- Adakah anda tahu apa yang berlaku sekiranya anda tidak dapat membayar hutang anda?
- Adakah anda tahu apa yang telah berlaku kepada orang lain yang belum dapat membayarnya?
- Adakah orang pernah mengancam anda (atau keluarga anda) mengenai apa yang akan berlaku sekiranya anda tidak dapat membayar hutang anda?
  - Siapa yang mengancam anda?
  - Dengan cara apa?
  - Bila?
  - Jika anda ingat, kemukakan isi perbualan, siapa kata apa?

# LAMPIRAN D: Analisis wro (perintah penahanan pelepasan) terkini

Siaran akhbar CBP dan sidang media dapat memberikan petunjuk kepada faktor-faktor yang mungkin telah meningkatkan skala yang menyokong Perintah Penahanan Pelepasan tertentu. Walaupun dalam keadaan di mana Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) belum berkongsi butiran khusus tentang mengapa ia mengeluarkan WRO, maklumat daripada media antarabangsa, laporan penyiasatan, dan pemantauan NGO mengenai produk dapat memberikan gambaran mengenai pemacu utama untuk WRO yang tertentu.

## MALAWI: TOBACCO

Pada November 1, 2019, CBP mengeluarkan WRO yang melarang semua import tembakau dari Malawi. Dalam pernyataan yang dikeluarkan dengan WRO, CBP melaporkan bahawa pihaknya bertindak berdasarkan maklumat yang munasabah yang menunjukkan penggunaan buruh paksa dan buruh paksa kanak-kanak. Kenyataan tersebut tidak memberikan butiran yang lanjut. Amalan eksploratif pertanian sewaan di ladang tembakau Malawi telah didokumentasikan<sup>43</sup> dengan meluas. Didorong oleh gaji yang sangat rendah, banyak petani terpaksa melibatkan anggota keluarga mereka untuk bekerja di ladang tembakau<sup>44</sup> untuk menambahkan pendapatan. Ini menghasilkan kitaran generasi miskin dan ikatan hutang. Keadaan di ladang tembakau di Malawi juga mendapat perhatian Jabatan


Tenaga Kerja A.S. Dalam penemuan tahun 2018 mengenai Bentuk-bentuk Pekerjaan Terburuk Bagi Kanak-kanak, Jabatan Biro Pekerjaan Hal Ehwal Perburuhan Antarabangsa (ILAB) melaporkan bahawa walaupun terdapat kemajuan sederhana oleh kerajaan Malawi dalam menangani masalah ini, kanak-kanak di Malawi terus menderita bentuk pekerjaan terburuk bagi kanak-kanak dalam industri penuaan tembakau. Terdapat juga laporan yang menunjukkan bahawa tembakau tercemar ini terdapat dalam rokok yang diimport ke Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah.<sup>45</sup> CBP A.S. mengeluarkan WRO terhadap Malawi beberapa hari selepas firma undang-undang Britain mengumumkan rancangan untuk mengemukakan tuntutan perundangan berkelompok terhadap British American Tobacco (BAT), salah satu pengeluar rokok terkemuka di dunia. Tuntutan sivil yang difaiklan di Britain menuduh bahawa syarikat secara tidak adil memperkayakan diri dari kerja ribuan anak-anak Malawi dan keluarga mereka tanpa pampasan<sup>46</sup> yang mencukupi.

43 Lihat amnya Sarah Boseley, *Child Labor Rampant in Tobacco Industry*, Guardian, Jun 25, 2018, <https://www.theguardian.com/world/2018/jun/25/revealed-child-labor-rampant-in-tobacco-industry>; David Levene, *The Children Working in the Tobacco Fields: 'I wanted to be a nurse'*, Guardian, Jun 25, 2018, <https://www.theguardian.com/world/ng-interactive/2018/jun/25/tobacco-industry-child-labour-malawi-special-report>; dan Sarah Boseley, *BAT Faces Landmark Legal Case Over Malawi Families' Poverty Wages*, Guardian, Okt. 31, 2019, <https://www.theguardian.com/global-development/2019/oct/31/bat-faces-landmark-legal-case-over-malawi-families-poverty-wages>. Lihat juga International Labor Organization, An integrated ILO strategy to address decent work deficits in the tobacco sector (Feb. 23, 2018), [https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed\\_norm/---relconf/documents/meetingdocument/wcms\\_618444.pdf](https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed_norm/---relconf/documents/meetingdocument/wcms_618444.pdf).

44 Lihat Bureau of Int'l Labor Affairs, List of Goods Produced by Child Labor or Forced Labor (2018), <https://www.dol.gov/agencies/ilab/reports/child-labor/list-of-goods>.

45 *Id.*

46 Petani penyewa menerima gaji yang sedikit sehingga mereka tidak mempunyai "pilihan selain bergantung kepada anak-anak mereka untuk bekerja." "Jumlah pendapatan rata-rata tidak lebih dari £100 hingga £200 [\$130- \$262] untuk pekerjaan lima sekeluarga selama 10 bulan," lihat Tendai Marima, *Malawi Urged to Turn Over New Leaf Amid Tobacco Lawsuit*, African Business, Feb. 12, 2020, <https://africanbusinessmagazine.com/sectors/commodities/malawi-urged-to-turn-over-new-leaf-amid-tobacco-lawsuit/>.



Sumber: Alex Plesovskich, Unsplash

## REPUBLIK DEMOKRATIK CONGO DAN ZIMBABWE: PERLOMBONGAN

Pada September 30, 2019, CBP mengeluarkan dua Perintah Penahanan Pelepasan yang meliputi emas dan berlian artisanal yang diusahakan masing-masing dari Republik Demokratik Kongo (DRC) dan Zimbabwe. Dalam setiap kes, CBP menemui petunjuk buruh paksa, diambil dari petunjuk ILO. Menurut CBP,<sup>47</sup> etunjuk buruh paksa yang paling banyak berlaku di lombong-lombong artisanal adalah kehadiran kumpulan bersenjata di sekitar lombong. Kumpulan bersenjata tersebut dilaporkan berada di 66-67% dari semua kawasan perlombongan di RDC. Laporan Pejabat Akauntabiliti Kerajaan A.S. (GAO) baru-baru ini mengesahkan pemuan ini, dan menyatakan bahawa kumpulan bersenjata campur tangan di lombong emas RDC melalui percuai haram, rompakan, dan buruh paksa.<sup>48</sup> CBP melaporkan bahawa ia juga menemui bukti eksplorasi seksual dan perhambaan hutang di lombong-lombong ini. Biro Hal Ehwal Buruh Antarabangsa (ILAB) Jabatan Tenaga Kerja menyenaraikan emas dari RDC dalam senarai barang yang dihasilkan menggunakan buruh paksa atau buruh kanak-kanak.<sup>49</sup>

Pada 28 Mei, 2020, CBP mengubah WRO untuk mengecualikan satu pengeksport dari RDC. Siaran akhbar menyatakan bahawa WRO akan diubah "berdasarkan penilaian yang ketat berdasarkan program taksiran yang tegas Chambers Federation (Persekutuan Chambers) dan bekerjasama dengan pelbagai organisasi kerajaan dan bukan kerajaan. Tindakan ini menghasilkan bukti yang cukup untuk menyokong tuntutan Persekutuan Chambers bahawa lombong artisanal dan perlombongan skala kecil di RDC dari mana Persekutuan Chambers mengimport emas tidak menggunakan buruh paksa."<sup>50</sup>

Semasa mengeluarkan WRO terhadap ladang berlian Zimbabwe di Marange, CBP menitikberatkan pengoperasian paksaan oleh sindiket perlombongan. Sindiket tersebut adalah – pengawal keselamatan, tentera, dan kumpulan bersenjata lain – hanya memberi akses kepada pelombongan ke kawasan lombong berlian artisanal dan sebagai pertukaran wang sogokan dan sebahagian daripada berlian yang diperoleh akan diberikan. CBP secara khusus menyatakan bahawa setelah memasuki kawasan-kawasan perlombongan ini, pelombong sering dilarang keluar dan diancam dengan keganasan. WRO tersebut selaras dengan dasar lain di Zimbabwe: pada tahun 2011, dengan alasan pencabulan hak asasi manusia, dua syarikat yang terlibat dalam operasi perlombongan berlian di Marange dimasukkan ke dalam senarai<sup>51</sup> sekatan ekonomi Jabatan Perbendaharaan A.S.



Sumber: Conflict Minerals, Ethical Consumer

47 Sidang Media oleh Brenda Smith, Penolong Pesuruhjaya Eksekutif Perdagangan A.S., Customs and Border Protection (Okt. 1, 2019), <https://www.youtube.com/watch?v=Fb2D4Ebucn8&t=13s>.

48 U.S. Government Accountability Office, *Information on Artisanal Mined Gold and Efforts to Encourage Responsible Sourcing in the Democratic Republic of the Congo, Report to Congressional Committees* (2017), <https://www.gao.gov/assets/690/686745.pdf>.

49 ILAB List of Goods Produced by Child Labor or Forced Labor (2018), <https://www.dol.gov/agencies/ilab/reports/child-labor/list-of-goods>.

50 U.S. Office of Foreign Assets Control, *Zimbabwe Sanctions Program* (Dis. 18, 2013), <https://www.treasury.gov/resource-center/sanctions/Programs/Documents/zimb.pdf>.

51 U.S. Imposes Sanctions on 2 Zim Diamond Miners, Mail & Guardian, Dis.13, 2011, <https://mg.co.za/article/2011-12-13-us-imposes-sanctions-on-two-zim-diamond-miners/>.

## MALAYSIA: SARUNG TANGAN GETAH

WRO terhadap sarung tangan getah daripada pengeluar di Malaysia, yang dikeluarkan pada September 30, 2019, adalah hasil daripada laporan penyiasatan yang meluas. Pendedahan oleh pelbagai media, termasuk The Guardian,<sup>52</sup> dan siasatan oleh pakar hak pekerja migran terkemuka, Andy Hall mendokumentasikan tuduhan buruh paksa.<sup>53</sup> Mangsa, terutamanya pekerja migran dari Asia Selatan, dipaksa bekerja tujuh hari seminggu. Laporan menunjukkan bahawa mereka membayar yuran pengambilan bekerja yang tinggi, tidak menerima gaji mereka, dipaksa menyerahkan dokumen perjalanan mereka, dan terdedah kepada keadaan yang tidak selamat di premis kilang. Ribuan pekerja Nepal yang bekerja untuk pengeluar sarung tangan di Malaysia melakukan mogok pada tahun 2019, menuntut gaji dan dokumen pengenalan diri mereka. Jabatan Tenaga Kerja Malaysia mendapati bahawa buruh dieksplotasi, tidak dibayar gaji, lewat membayar bayaran kerja lebih masa, dan dikenakan pemotongan gaji yang tidak sah.<sup>54</sup> Tidak seperti beberapa WRO lain, dalam isu ini import oleh syarikat A.S. dapat dibuat dan dihubungkan khusus dengan pengeluar di Malaysia. Pengeluar yang disebut dalam WRO tersebut adalah salah satu pengeksport sarung tangan getah terkemuka dunia dan menyumbang kepada sebahagian besar sarung tangan yang digunakan oleh hospital di Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Pada Mac 24, 2020, CBP membatalkan WRONya terhadap pengeluar sarung tangan Malaysia. Dalam siaran akhbarnya, CBP menyatakan bahawa pengeluar bekerjasama rapat dengan agensi tersebut untuk menghentikan buruh paksa di kilangnya. Pembatalan tersebut berlaku di tengah-tengah pandemik global, yang menimbulkan keimbangan bahawa sama ada tindakan ini menimbulkan kekurangan bekalan perubatan, dan bukannya mengakhiri buruh paksa yang sebenarnya mendorong keputusan tersebut.



<sup>52</sup> Hannah Ellis-Peterson, *NHS Rubber Gloves Made in Malaysian Factories Accused of Forced Labor*, Guardian, Dis. 9, 2018, <https://www.theguardian.com/global-development/2018/dec/09/nhs-rubber-gloves-made-in-malaysian-factories-accused-of-forced-labour>.

<sup>53</sup> Andy Hall, *The U.S. is Taking Action on Forced Labour in Malaysia, Will the EU follow Suit?* Business and Human Rights Resource Ctr, Feb. 10, 2019, <https://www.business-humanrights.org/en/the-us-is-taking-action-on-forced-labour-in-malaysia-rubber-glove-industry-will-the-eu-follow-suit>.

<sup>54</sup> *Glovemaker WRP Get Emergency Funds to Pay Workers*, Malaysiakini, Jan. 16, 2020, <https://www.malaysiakini.com/news/505695>.

## BRAZIL: BONE BLACK (ARANG TULANG)

Pada September 30, 2019, CBP mengeluarkan WRO yang mensasarkan arang tulang, suatu bentuk karbon aktif dari tulang binatang hangus yang digunakan dalam penyulingan gula dan penjernihan air. Keadaan tempat kerja buruh yang berunsurkan eksploratif terutamanya dalam industri lembu dan arang di Brazil telah didokumentasikan<sup>55</sup> dengan meluas. Tidak jelas sejauh manakah CBP menemui bukti buruh paksa pada arang tulang daripada pengeluar tertentu. Laporan berita tempatan di Brazil menunjukkan bahawa pejabat pendakwa di Brazil telah melancarkan siasatan buruh paksa terhadap produk<sup>56</sup> tersebut. Laporan Associated Press mengaitkan pengeluar Brazil tersebut dengan beberapa pengimpor di Amerika Syarikat.<sup>57</sup>



Sumber: Occupational and Environmental Medicine

## CHINA: PAKAIAN DAN PRODUK RAMBUT

Pada September 30, 2019, CBP mengeluarkan WRO menyekat import pakaian dari Hetian Taida Apparel Co., sebuah syarikat China yang beroperasi di Xinjiang, pusat penahanan dan penderaan penduduk Uighur yang ditaja oleh kerajaan. Oleh kerana organisasi perjuangkan hak pekerja tidak dapat memasuki Xinjiang, para penyokong menggunakan koleksi bukti kreatif, termasuk imej satelit. Rakaman televisyen kerajaan China yang menunjukkan gambar kilang-kilang di wilayah tersebut turut digunakan sebagai bahan bukti tambahan. Pengadu bergantung kepada pangkalan data komersial untuk mewujudkan pautan ke pangkalan data import<sup>58</sup> A.S. Gambar satelit menunjukkan perimeter sekitar kilang yang dikawal ketat. Pekerja dikenakan sekatan pergerakan. CBP menyifatkan WRO ini agak mudah kerana hubungan yang jelas dengan pengimpor A.S. Liputan media antarabangsa yang meluas dan kebocoran<sup>59</sup> dokumen kerajaan China memberikan butiran tuduhan buruh paksa di pusat tahanan di Xinjiang.



Sumber: Greg Walters, flickr

55 Lihat The Walk Free Foundation, Global Slavery Index (2018), <https://www.globalslaveryindex.org/2018/findings/country-studies/brazil/>.

56 Walter Tele, *Alleged Slave Labor and Environmental Crime in an Activated Carbon Factory in Maringá Generates Inquiries at the Public Ministry*, Maringá Post, Jun 11, 2018, <https://maringapost.com.br/negocios/2018/06/11/suposto-trabalho-escravo-e-crime-ambiental-em-fabrica-de-carvao-ativado-em-maringa-geram-inqueritos-no-ministerio-publico-concorrencia-internacional-teria-motivado-denuncias/>.

57 Martha Mendoza, *Company Making Costco Pajamas Flagged for Forced Labor*, Assoc. Press, Okt. 8, 2019, <https://apnews.com/7d79c06344a245eea4bcc86759ad43d7>.

58 Konsortium Hak Pekerja, *Factory Assessment Hetian Taida Apparel Co. Ltd. China: Findings Recommendations and Status* (Jun 24, 2019) <https://www.workersrights.org/factory-investigation/heitan-taida-apparel-co-ltd/>.

59 Austin Ramzy and Chris Buckley, 'Absolutely No Mercy': Leaked Files Expose How China Organized Mass Detentions of Muslims, N.Y. Times, Nov. 16, 2019, <https://www.nytimes.com/interactive/2019/11/16/world/asia/china-xinjiang-documents.html>.

Pada Mei 1, 2020, CBP mengeluarkan WRO baru yang menyekat import produk rambut yang dike-luarkan oleh Hetian Haolin Hair Accessories Co. Ltd. (Haolin), pengeluar yang berpusat di Xinjiang. Laporan menunjukkan bahawa pengeluaran aksesori rambut tersebut bergantung pada buruh paksa.<sup>60</sup> Pejabat Haolin didaftarkan di sebuah taman perindustrian di Hotan, dalam daerah Lop, sebuah lokasi di mana ratusan tahanan Uighur difoto ketika sedang mendengar ucapan yang radikal.

## TUNA DARI KAPAL TUNAGO NO. 61

Pada Februari 2019, CBP mengeluarkan WRO yang pertama yang pernah dikeluarkan terhadap kapal nelayan individu, Tunago No. 61. Menurut Kelly Cahalan, jurucakap CBP, WRO tersebut bukan hanya untuk semua produk dari kapal tuna berukuran 53.5m tersebut, tetapi merangkumi kesemua tuna yang ditangkap oleh Tunago No. 61 dan diimport ke Amerika Syarikat dengan menggunakan kapal lain.<sup>61</sup> Tunago No. 61, sebelum dikenakan WRO telah pun menjadi berita hangat. Pada tahun 2018, Greenpeace menerbitkan laporan, *Misery at Sea: Human Suffering in Taiwan's Distant Water Fishing Fleets*. Laporan tersebut menggambarkan pencabulan hak asasi manusia di Tunago No. 61, termasuk kelakuan ganas kapten kapal dan keadaan bekerja yang tidak berperikemanusiaan.<sup>62</sup> Laporan tahun 2006 oleh Persekutuan Pekerja Pengangkutan Antarabangsa juga mendedahkan penganiayaan teruk terhadap anak kapal Tunago No. 61.<sup>63</sup>

Pada April 1, 2020, CBP menarik balik WRO terhadap Tunago No. 61.



Sumber: Ian Urbina, The Outlaw Ocean: Journeys Across the Last Untamed Frontier

60 Juozapas Bagdonas, *Tracking Down the Fruits of Xinjiang's Forced Labor Industry*, Diplomat, Nov. 16, 2019, <https://thediplomat.com/2019/11/tracking-down-the-fruits-of-xinjiangs-forced-labor-industry/>.

61 Steve Bittenbender, *US Customs Claims Vanuatu Tuna Vessel Used Forced Labor*, SeafoodSource, Feb. 27, 2019, <https://www.seafoodsource.com/news/supply-trade/us-customs-claims-vanuatu-tuna-vessel-used-forced-labor>.

62 Greenpeace, *Misery at Sea: Human Suffering in Taiwan's Distant Water Fishing Fleet* (2018) [https://storage.googleapis.com/planet4-new-zealand-stateless/2018/05/9fdf62aa-greenpeace\\_misery\\_at\\_sea-report-lowres.pdf](https://storage.googleapis.com/planet4-new-zealand-stateless/2018/05/9fdf62aa-greenpeace_misery_at_sea-report-lowres.pdf).

63 Persekutuan Pekerja Pengangkutan Antarabangsa, *Out of Sight, Out of Mind* (2006), <https://www.itfcongress2006.org/press-releases.cfm/pressdetail/814>. Lihat juga Shrimp Alliance, *U.S. Customs and Border Protection Issues Withhold Release Order Barring Imports from Fishing Vessel* (Feb. 6, 2019), <https://www.shrimpaliance.com/u-s-customs-and-border-protection-issues-withhold-release-order-barring-imports-from-fishing-vessel/>.



Direalisasikan dengan  
peruntukan dari:



 @htlegalcenter

 @htlegalcenter

 htlegalcenter

[www.htlegalcenter.org](http://www.htlegalcenter.org)

info@htlegalcenter.org